

Endorsmen Polisi

TARIKH MULA ENDORSMEN: 19 Mac 2020

KENYATAAN: ENDORSMEN PADA PENGECCUALIAN AM

Polisi ini telah diendors. Ini akan berkuatkuasa dari 19 Mac 2020.

Pengecualian Istimewa (Covid-19)

Polisi ini tidak melindungi dan kami tidak akan (di bawah mana-mana seksyen) membayar untuk tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan dari, berkaitan dengan atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Penyakit Coronavirus 19 (COVID-19) (atau apa-apa mutasi atau variasi daripadanya) dan/atau wabaknya.

Sejauh mana apa-apa terma atau syarat di dalam Polisi mungkin tidak bersesuaian dengan pengecualian ini, pengecualian ini akan digunakan.

Sila fail endorsmen ini dengan polisi asal anda kerana ia dilampirkan untuk menjadi sebahagian daripada polisi asal yang diisu di bawah pelan ini.

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami di +6 03 2058 3198. Kami gembira dapat membantu anda.

Chubb Insurance Malaysia Berhad

Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A)

Insurans Perjalanan GoInsure Polisi Utama

Keterangan Polisi

CHUBB®

Kandungan

Jadual Manfaat	1
Polisi Utama	
Bahagian 1 Interpretasi.....	6
Bahagian 2 Kelayakan.....	11
Bahagian 3 Skop & Had Perlindungan & Manfaat.....	12
Bahagian 4 Pengecualian Am.....	13
Bahagian 5 Syarat-syarat Am.....	16
Bahagian 6 Terma-terma Umum.....	18
Bahagian 7 Manfaat.....	20
Bahagian 8 Manfaat Bantuan Chubb.....	49
Aduan.....	51
Notis Privasi.....	52

Jadual Manfaat

Manfaat (jumlah tertanggung RM)		Antarabangsa		Domestik	
		Pertama	Eksekutif	Pertama	Eksekutif
Kemalangan Peribadi					
1	Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan - Dewasa - Kanak-kanak	325,000 81,250	300,000 75,000	200,000 50,000	100,000 25,000
2	Manfaat Pendidikan Anak	15,000	10,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
3	Perbelanjaan Perubatan <u>Akibat Kemalangan</u> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun <u>Akibat Penyakit</u> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun	2,000,000 500,000 1,000,000 150,000	800,000 300,000 400,000 100,000	25,000 (akibat kemalangan & sehingga umur 80 tahun)	20,000 (akibat kemalangan & sehingga umur 80 tahun)
4	Perbelanjaan Perubatan Susulan Di Malaysia (sehingga 30 hari) <u>Akibat Kemalangan</u> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun <u>Akibat Penyakit</u> - Sehingga umur 70 tahun - Di atas umur 70 tahun	100,000 50,000 50,000 25,000	50,000 25,000 25,000 12,500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
5	Rawatan Alternatif	1,000	500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
6	Pendapatan Harian Hospital - Sehingga umur 65 tahun - Di atas umur 65 tahun tetapi di bawah 80 tahun	350 sehari (maksimum sehingga 60 hari) 100 sehari (maksimum sehingga 60 sehari)	250 sehari (maksimum sehingga 60 hari) 100 sehari (maksimum sehingga 60 hari)	100 sehari (maksimum sehingga 30 hari) 50 sehari (maksimum sehingga 30 hari)	100 sehari (maksimum sehingga 30 hari) 50 sehari (maksimum sehingga 30 hari)
7	Lawatan Ihsan	10,000	10,000	2,000	1,000
8	Penjagaan Anak	10,000	10,000	2,000	1,000
9	Pemindahan Perubatan & Penghantaran Pulang Kecemasan	Tiada Had	Tiada Had	150,000	100,000
10	Penghantaran Pulang Jenazah (termasuk Pengebumian & Pembakaran Mayat)	Tiada Had	Tiada Had	150,000	100,000

Gangguan Perjalanan

11	Pembatalan Perjalanan - Perbelanjaan Pembatalan - Perbelanjaan Penangguhan	Kos Sebenar 1,000	50,000 500	2,000 Tidak berkenaan	1,500 Tidak berkenaan
12	Pemendekan Perjalanan	Kos Sebenar	50,000	2,000	1,500
13	Gangguan Perjalanan	2,000	1,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
14	Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi & Bagasi - Had mana-mana satu barang - Komputer Mudahalih - Had maksimum	500 1,500 7,500	500 1,000 5,000	500 Tidak berkenaan 2,000	500 Tidak berkenaan 1,000
15	Kehilangan atau Kerosakan Dokumen Perjalanan	7,500	5,000	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
16	Kehilangan Wang Peribadi	750	750	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
17	Penggunaan Kad Kredit yang melibatkan Penipuan	1,000	500	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
18	Kelewatan Baggasi (<i>setiap 6 jam berturut-turut</i>) - Luar Negara Had setiap keluarga - Malaysia Had setiap keluarga	200 1,000 3,000 400 1,200	200 800 2,400 200 600	200 Tidak berkenaan Tidak berkenaan 1,000 Tidak berkenaan	150 Tidak berkenaan Tidak berkenaan 600 Tidak berkenaan
19	Kelewatan Perjalanan (<i>setiap 6 jam berturut-turut</i>) Had maksimum	200 4,000	200 3,600	200 1,000	150 600
20	Ketinggalan Sambungan Perjalanan (<i>setiap 6 jam berturut-turut</i>) Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
21	Lencongan Perjalanan (<i>setiap 6 jam berturut-turut</i>) Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
22	Tempahan Perjalanan Berlebihan (<i>steiap 6 jam berturut-turut</i>) Had maskimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
23	Ketinggalan Perjalanan (<i>setiap 6 jam berturut-turut</i>) Had maksimum	200 1,000	200 600	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
24	Kesulitan Gangguan Rampasan (<i>setiap 24 jam berturut-turut</i>) Had maksimum	400 800	400 800	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
25	Liabiliti Peribadi	1,500,000	1,000,000	500,000	250,000
26	Caj Telefon Bimbit Kecemasan	150	100	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

Gaya Hidup

27	Manfaat Golf				
	a) Masuk Langsung	1,000		250	
	b) Kehilangan peralatan golf disebabkan Kecurian	1,000	Tidak berkenaan	500	Tidak berkenaan
	c) Bayaran padang golf yang tidak digunakan disebabkan Kecederaan Tubuh atau Penyakit	1,000		250	
28	Elaun Gangguan Rumah - Had mana-mana satu barang	5,000 500	3,000 500	500	Tidak berkenaan
29	Penjagaan Haiwan Peliharaan (<i>jumlah setiap 24 jam</i>)	50	50	N/A	Tidak berkenaan
	Had Maksimum	100	50		

Others

30	Lanjutan Perlindungan Keganasan	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
31	Manfaat Bantuan Chubb				
	1) Bantuan Telefon 24 Jam	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
	2) Bantuan Perubatan				
	3) Bantuan Perjalanan				

Polisi Utama Insurans Perjalanan GoInsure

Polisi Utama ini diisukan kepada U Mobile Services Sdn Bhd sebagai Pemegang Polisi untuk manfaat pengguna aplikasi mudahalohnya, termasuk pasangan dan/atau anak-anak.

Sila baca Polisi Utama dan simpan bersamaan dengan Sijil Insurans.

Sebagai pertimbangan pembayaran premium, Kami bersetuju membayar manfaat-manfaat mengikut Syarat-syarat, Takrifan, Pengecualian dan Peruntukan yang terkandung di sini.

Polisi Utama ini mencatatkan terma-terma di mana Chubb Insurance Malaysia Berhad, Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A) di Wisma Chubb 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (dirujuk sebagai “**Chubb**”) bersetuju untuk memberi perlindungan insurans kepada pelanggan-pelanggan (dan pasangan dan/atau anak-anak) U Mobile Services Sdn Bhd, Level 11, Berjaya Times Square, Jalan Imbi, 55100, Kuala Lumpur, Malaysia (dirujuk sebagai “**Pemegang Polisi**”).

Orang Bertanggung Utama mempunyai hak untuk membuat tuntutan bagi pihak mereka dan pihak Pasangan dan/atau Anak-anak mereka (sekiranya Pelan Keluarga diperolehi) terhadap Chubb di bawah bahagian Polisi Utama yang berkenaan.

Polisi ini ditaja jamin oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad. Chubb Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Bahagian 1 – Interpretasi

Seksyen 1 - Takrifan

Kemalangan atau **Akibat Kemalangan** bermaksud kejadian secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan.

Tindakan Keganasan bermaksud apa-apa penggunaan kekerasan secara ugutan atau keganasan yang ditujukan atau menyebabkan kerosakan, kecederaan, bahaya atau gangguan, atau perlakuan tindakan berbahaya ke atas nyawa manusia atau harta, terhadap mana-mana individu, harta atau kerajaan, dengan objektif yang dinyatakan atau tidak dinyatakan demi kepentingan ekonomi, etnik, kebangsaan, politik, perkauman atau agama, sama ada kepentingan tersebut diisytiharkan atau tidak. Rompakan atau tindakan jenayah lain, yang dilakukan dengan tujuan utama untuk kepentingan peribadi dan tindakan yang berpunca terutamanya daripada hubungan peribadi terdahulu antara pelaku dan mangsa, tidak dianggap sebagai Tindakan Keganasan. Tindakan Keganasan juga termasuk apa-apa tindakan, yang disahkan atau diakui oleh kerajaan (berkenaan) sebagai satu tindakan keganasan.

Polisi Tahunan bermaksud Sijil Insurans yang dikeluarkan untuk pelan yang dipilih di mana Anda boleh membuat seberapa banyak Perjalanan tanpa had ke Zon perjalanan yang dipilih semasa Tempoh Insurans.

Manfaat bermaksud manfaat tertentu, sepertimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat, yang boleh dibayar oleh Kami di bawah terma dan syarat Polisi ini berkenaan dengan setiap peristiwa atau kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini.

Jadual Manfaat bermaksud dokumen yang disertakan dan membentuk sebahagian daripada Polisi Utama ini yang mengandungi butir-butir terperinci Manfaat Polisi Utama ini, bergantung kepada jenis pelan yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.

Kecederaan Tubuh bermaksud kecederaan yang disebabkan Kemalangan yang ditanggung oleh Anda semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain daripada Kemalangan dan disebabkan oleh cara luaran, ganas dan jelas dilihat.

Sijil Insurans bermaksud dokumen yang disertakan dan membentuk sebahagian daripada Polisi Utama ini yang mengandungi butir-butir terperinci perlindungan yang disediakan untuk Anda oleh Kami.

Anak(-anak) bermaksud anak(-anak) di bawah tanggungan Anda yang belum berkahwin (termasuk anak tiri) dan/atau anak angkat yang sah yang berumur sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan tidak melebihi lapan belas (18) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun jika masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf, pada masa Anda memohon insurans ini.

Kekecohan Awam bermaksud gangguan, kekacauan atau keadaan kelam-kabut yang dilakukan oleh orang awam yang biasanya menentang Tubuh kerajaan atau polisinya.

Pengangkutan Umum bermaksud mana-mana pengangkutan darat, laut atau udara yang beroperasi di bawah satu lesen untuk mengangkut penumpang yang membayar tambang, dan yang mempunyai laluan tetap dan ditetapkan sahaja. Ia tidak termasuk teksi atau kereta persendirian, juga tidak bermaksud mana-mana pengangkut tersebut jika disewa atau diatur sebagai sebahagian daripada percutian walaupun perkhidmatan tersebut berjadual secara tetap.

Dikurung atau Pengurungan bermaksud terkurung di Hospital selama sekurang-kurangnya satu Hari sebagai pesakit yang menginap dalam (selain daripada untuk pembedahan hari) atas nasihat daripada dan di bawah penjagaan tetap dan pemerhatian Doktor dan untuk tujuan ini. Hari bermaksud tempoh yang dikenakan caj oleh pihak Hospital untuk bilik dan penginapan.

Perlindungan bermaksud perlindungan yang diberi oleh Kami kepada orang-orang yang dinamakan di dalam Sijil Insurans Anda mengikut pelan yang Anda pilih.

Keadaan Perubatan Kritikal bermaksud keadaan perubatan yang dialami oleh Anda yang ditentukan sebagai mengancam nyawa oleh Doktor yang merawat Anda:

- a) Untuk Perjalanan Luar Negara: akibat Kecederaan Tubuh atau Penyakit;
- b) Untuk Perjalanan Domestik: akibat Kecederaan Tubuh.

Kematian bermaksud kematian yang berlaku semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain, akibat daripada Kecederaan Tubuh.

Perbelanjaan Pergigian bermaksud caj yang munasabah dan perlu untuk rawatan pergigian kecemasan disebabkan oleh Kecederaan Tubuh pada gigi semula jadi yang disebabkan oleh Kemalangan, yang dilaksanakan oleh Doktor Gigi, diperlukan dari segi perubatan untuk merawat keadaan Anda yang telah dialami semasa dalam Perjalanan Anda, termasuk caj untuk bekalan perubatan atau perkhidmatan, tidak melebihi kadar biasa bayaran untuk rawatan, bekalan atau perkhidmatan perubatan yang serupa di tempat perbelanjaannya ditanggung dan tidak termasuk caj yang tidak akan dikenakan jika tiada insurans yang dibeli.

Doktor Gigi bermaksud doktor gigi atau pakar pergigian yang berlesen di sisi undang-undang yang mempunyai kelayakan ijazah perubatan dan berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan rawatan pergigian dan dalam memberikan rawatan, mengamalkan mengikut skop pelesenan dan latihan dalam kawasan geografinya. Doktor Gigi tidak boleh termasuk Anda atau mana-mana Ahli Keluarga.

Destinasi bermaksud tempat yang dijangka oleh Anda untuk mengikuti Perjalanan, seperti yang ditunjukkan dalam jadual perjalanan.

Domestik bermaksud di mana-mana di dalam Malaysia sahaja.

Tarikh Kuatkuasa bermaksud tarikh permulaan Tempoh Insurans.

Sukan Ekstrem dan Aktiviti Persukanan bermaksud apa-apa sukan atau aktiviti persukanan yang melibatkan tahap bahaya yang tinggi (iaitu melibatkan tahap kepakaran, penggunaan tenaga yang tinggi, gear atau aksi khas) yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada luncur ombak besar, arung jeram persendirian kelas 4 dan ke atas, kanu pelayaran deras, lompat tebing, ekuestrian, ultramaraton, biatlon, triatlon, dan tunggangan aksi. Sukan Ekstrem dan Aktiviti Persukanan ini tidak bermaksud aktiviti biasa pelancong yang boleh diakses oleh orang awam tanpa sekatan (selain daripada amaran ketinggian atau kesihatan atau kecergasan umum) dan yang disediakan oleh pengendali pelancongan tempatan yang diiktiraf, tetapi sentiasa dengan syarat bahawa Anda bertindak di bawah bimbingan dan pengawasan jurupandu yang berkelayakan

dan/atau pengajar di bawah pengendali pelancongan tersebut semasa melakukan aktiviti pelancongan berkenaan.

Ahli Keluarga bermaksud Pasangan Anda, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk/nenek, datuk/nenek mertua, moyang, moyang mertua, Anak(-anak), menantu perempuan, menantu lelaki, abang, adik atau kakak, abang ipar, kakak ipar, cucu, abang tiri, kakak tiri, adik tiri, ibu bapa tiri, Penjaga.

Keingkaran Kewangan bermaksud sama ada penggantungan penuh operasi kerana keadaan kewangan sama ada disebabkan atau tidak oleh kerana petisyen bankrap/pembubaran telah difailkan; atau penggantungan separa operasi berikutan pemfailan petisyen bankrap/pembubaran.

Penjaga bermaksud individu yang mempunyai hak penjagaan sah ke atas Anak(-anak) sebelum mereka mencapai umur lapan belas (18) tahun.

Rumah bermaksud tempat tinggal Anda yang biasa di Malaysia.

Hospital bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan di sisi undang-undang, dikendalikan menurut undang-undang negara di mana ia diasaskan, yang memiliki lesen sebagai sebuah hospital (jika pelesenan diperlukan dalam bidang kuasa negeri atau kerajaan) dan memenuhi keperluan berikut:

- a) beroperasi terutamanya untuk penerimaan, penjagaan dan rawatan perubatan orang yang sakit atau cedera sebagai pesakit dalam;
- b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan sepenuh masa oleh dan di bawah pengawasan staf Jururawat;
- c) mempunyai staf seramai seorang Doktor atau lebih yang bertugas pada setiap masa;
- d) mengekalkan kemudahan yang teratur untuk diagnosis dan rawatan perubatan orang-orang tersebut, dan menyediakan (mengikut kesesuaian) kemudahan untuk pembedahan utama dalam lingkungan pertubuhan atau dalam kemudahan yang dikawal oleh pertubuhan; dan
- e) fungsi utamanya bukan sebagai klinik, pusat jururawat, rumah rehat atau pemulihan atau pertubuhan seumpamanya dan bukan, selain secara tidak sengaja, pusat untuk penagih alkohol atau penagih dadah.

dan Hospital tidak boleh termasuk yang berikut:

- a) sebuah institusi mental; institusi Pengurangan terutamanya untuk rawatan sakit jiwa termasuk sub-normal; jabatan psikiatri di dalam sebuah Hospital;
- b) sebuah tempat untuk warga tua; rumah rehat; pusat rawatan penagih dadah atau alkohol;
- c) sebuah klinik rawatan hidro atau semula jadi; unit khas di dalam hospital yang digunakan terutamanya sebagai tempat pemulihan penagih dadah atau alkohol, atau sebagai kemudahan penjagaan kejururawatan, pemulihan, rehabilitasi, penjagaan lanjutan atau rumah rehat;
- d) apa-apa pertubuhan yang menyediakan Ubat atau Rawatan Tradisional atau Pelengkap.

Orang Bertanggung bermaksud orang yang dinamakan dalam Sijil Insurans yang memenuhi keperluan kelayakan dan berkaitan dengan premium yang telah dibayar.

Pelan Keluarga merangkumi:

- a) Anda;
- b) Pasangan Anda; dan
- c) Anak(-anak) Anda

Anak(-anak) yang dilindungi di bawah Pelan Keluarga mesti ditemani oleh Anda untuk mana-mana Perjalanan yang dibuat semasa Tempoh Insurans.

Perjalanan bermaksud apa-apa perjalanan yang dibuat oleh Anda dalam Tempoh Insurans yang:

i) Perjalanan Sehala bermaksud satu perjalanan sehala yang dibuat oleh Anda dari Malaysia ke sesuatu Destinasi Luar Negara, dan bermula selepas dari yang berikut:

- 12.00 pagi pada Tarikh Tempoh Insurans yang ditetapkan dalam Sijil Insurans; atau
- waktu Anda meninggalkan Rumah atau tempat bekerja yang biasa di Malaysia untuk terus menuju ke tempat berlepas dalam Malaysia untuk memulakan perjalanan;

dan tamat lebih awal dari yang berikut:

- 11.59 malam pada tarikh tamat Tempoh Insurans seperti ditetapkan dalam Sijil Insurans; atau
- waktu Anda meninggalkan lapangan terbang di negara Destinasi.

ii) Perjalanan Pergi Balik bermaksud perjalanan pergi balik yang dibuat oleh Anda dari Malaysia ke sesuatu Destinasi (Luar Negara atau Domestik) dan kembali, dan bermula selepas dari yang berikut:

- 12.00 pagi pada Tarikh Tempoh Insurans yang ditetapkan dalam Sijil Insurans; atau
- dua puluh empat (24) jam sebelum waktu perlepasan berjadual Anda dari Malaysia dengan syarat Anda dalam transit langsung di antara Rumah Anda dan titik perlepasan Luar Negara di Malaysia; atau
- dari masa Anda meninggalkan Rumah Anda atau tempat bekerja yang biasa di Malaysia (tidak termasuk perjalanan harian ke dan dari tempat kerja yang biasa dan melibatkan perjalanan Anda melebihi lima puluh (50) kilometer dari Rumah Anda untuk sekurang-kurangnya satu (1) hari bermalam yang berbayar, untuk memulakan perjalanan itu;

dan tamat lebih awal dari yang berikut:

- 11.59 malam pada tarikh tamat Tempoh Insurans seperti ditetapkan dalam Sijil Insurans; atau
- dua puluh empat (24) jam selepas Anda melepasi titik pemeriksaan imigresen di Malaysia semata-mata untuk tujuan transit terus ke rumah Anda atau tempat kerja biasa di Malaysia.
- waktu Anda kembali ke rumah Anda atau tempat kerja biasa di Malaysia.

Hilang Upaya Pendengaran bermaksud kehilangan pendengaran secara menyeluruh yang tidak boleh dipulihkan sama ada secara pembedahan atau rawatan lain.

Hilang Anggota bermaksud hilang upaya berfungsi secara menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan sama ada secara pembedahan atau rawatan lain, atau kehilangan kerana pemisahan fizikal yang menyeluruh dan kekal, pada sebelah tangan di paras atau di atas paras pergelangan tangan, atau kaki pada paras atau di atas paras buku lali.

Hilang Upaya Penglihatan bermaksud kehilangan semua upaya penglihatan pada mana-mana mata yang menyebabkan Anda buta mata tersebut, secara menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan sama ada secara pembedahan atau rawatan lain.

Hilang Upaya Pertuturan bermaksud kehilangan pertuturan secara menyeluruh yang tidak boleh dipulihkan sama ada secara pembedahan atau rawatan lain.

Orang Bertanggung Utama bermaksud pelanggan Pemegang Polisi yang memperolehi Perlindungan, samada untuk diri sendiri atau untuk manfaat Pasangan dan/atau Anak-anaknya.

Polisi Utama bermaksud keterangan polisi ini, dengan Jadual Manfaat dan Sijil Insurans, dan apa-apa dokumen lain yang mungkin Kami isu kepada Pemegang Polisi yang Kami nasihati adalah sebahagian daripada Polisi Utama ini.

Perbelanjaan Perubatan bermaksud Perbelanjaan Perubatan yang Biasa, Munasabah dan Lazim yang perlu dan sewajarnya ditanggung untuk rawatan perubatan atau pembedahan:

- a) Untuk Perjalanan Luar Negara : Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang dilindungi oleh Polisi Utama ini;
- b) Untuk Perjalanan Domestik : Kecederaan Tubuh yang dilindungi oleh Polisi Utama ini.

Mendaki Gunung atau Kembara Trek bermaksud pendakian naik atau menuruni gunung (termasuk kembara trek gunung) 3,000 meter di atas paras laut yang biasanya memerlukan penggunaan peralatan tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada krampon, beliung, sauh, bolt, carabineer dan peralatan sauh tali pandu atau tali atas, serta apa-apa bentuk aktiviti (menakik turun) abseiling atau pendakian batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain.

Bencana Alam bermaksud keadaan cuaca yang melampau (termasuk tetapi tidak terhad kepada taufan, hurikan, siklon atau angin puting beliung), kebakaran hutan secara semula jadi, banjir, tsunami, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau konvulsi alam secara semula jadi atau akibat daripada kejadian yang disebutkan di atas.

Jururawat bermaksud mana-mana jururawat yang berkelayakan atau jururawat pelatih atau jururawat umum yang berdaftar secara sah menurut undang-undang negara di mana jururawat tersebut bekerja.

Luar Negara bermaksud di mana-mana di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk Cuba.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh di mana perlindungan di bawah Polisi Utama ini berkuatkuasa, sepertimana yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.

Hilang Upaya Kekal bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain, daripada Kecederaan Tubuh dan yang berlaku dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut daripada Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan Tubuh itu dialami, dan:
a) jatuh kepada salah satu kategori yang tersenarai dalam Jadual Manfaat di bawah Seksyen 1 Bahagian 7; dan
b) adalah hilang upaya yang telah dialami selama tempoh yang berterusan dan tidak terganggu untuk sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan, dan pada tamatnya tempoh itu, tiada harapan untuk pulih.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain, daripada Kecederaan Tubuh yang berlaku dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut dalam Kemalangan yang mana Kecederaan Tubuh tersebut dialami, dua belas (12) bulan berturut-turut, dalam semua kebarangkalian akan, sepenuhnya menghalang Anda daripada melibatkan diri dalam pekerjaan bergaji untuk apa-apa dan semua jenis untuk baki kehidupan Anda dan yang tiada harapan untuk pulih.

Pemegang Polisi bermaksud U Mobile Services Sdn Bhd.

Doktor bermaksud pengamal perubatan berlesen yang sah, yang berkelayakan dengan ijazah perubatan dan berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan perubatan barat dan dalam memberikan rawatan, mengamalkan dalam skop pelesenan dan latihannya di kawasan amali geografi. Doktor tidak boleh termasuk Anda atau mana-mana Ahli Keluarga.

Keadaan Sedia Ada bermaksud apa-apa keadaan yang Anda mempunyai pengetahuan munasabah tentangnya, dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum Tarikh Kuatkuasa. Anda dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang keadaan sedia ada, dan syaratnya adalah:

- a) Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan, diagnosis, rundingan perubatan atau ubat yang dipreskripsikan, atau
- b) nasihat, diagnosis, penjagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan oleh Doktor, atau
- c) gejala yang jelas dan ketara boleh dilihat, atau
- d) kewujudannya menjadi jelas kepada orang yang munasabah dalam keadaan tersebut.

Tarikh Perlepasan Yang Dijadualkan bermaksud tarikh Anda dijadualkan berlepas untuk Perjalanan seperti yang ditetapkan dalam jadual perjalanan atau tiket perjalanan Anda.

Kecederaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius bermaksud:

- a) Untuk Perjalanan Luar Negara: Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang menyebabkan Anda Dikurung di Hospital Luar Negara selama lebih dari lima (5) hari berturut-turut dan disahkan secara bertulis oleh Doktor.
- b) Untuk Perjalanan Domestik: Kecederaan Tubuh Serius bermaksud Kecederaan Tubuh yang menyebabkan Anda Dikurung di Hospital di Malaysia selama lebih dari lima (5) hari berturut-turut dan disahkan secara bertulis oleh Doktor.

Penyakit bermaksud keadaan fizikal yang dikenalpasti dengan penyimpangan patologi daripada keadaan kesihatan yang biasa sepertimana disahkan oleh Doktor yang memerlukan rawatan segera oleh Doktor dan bukan merupakan Kecederaan Tubuh. Untuk Perjalanan Luar Negara, keadaan ini mesti dijangkiti atau wujud semasa di Luar Negara atau semasa dalam Perjalanan Luar Negara.

Pelan Perjalanan Tunggal bermaksud Sijil Insurans yang dikeluarkan untuk pelan yang dipilih, dan Anda hanya boleh membuat dan hanya akan dilindungi di bawah Polisi Utama ini untuk Perjalanan Tunggal ke Zon perjalanan terpilih semasa Tempoh Insurans.

Senarai Warganegara Khusus yang Ditetapkan bermaksud nama seseorang, entiti, kumpulan, korporat yang dinyatakan dalam senarai yang tertakluk sebagai sekatan perdagangan atau ekonomi atau lain-lain undang-undang atau peraturan serupa Amerika Syarikat, Australia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah atau United Kingdom.

Pasangan bermaksud pasangan suami isteri yang sah, seperti yang diakui di bawah undang-undang Malaysia yang berkenaan. Untuk tujuan Polisi Utama ini, perkahwinan Common Law tidak dianggap sebagai perkahwinan yang sah.

Mogok bermaksud tindakan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat yang dilakukan untuk meneruskan mogok atau menentang sekatan kerja; atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di sisi undang-undang untuk menghalang atau cuba untuk mencegah apa-apa perbuatan sedemikian atau untuk mengurangkan mana-mana perbuatan sedemikian.

Perubatan atau Rawatan Tradisional atau Pelengkap bermaksud apa-apa ubat atau rawatan yang disediakan oleh amalan perubatan keagamaan, homeopati, kiropraktik, osteopati dan/atau mana-mana ubat atau rawatan tradisional atau pelengkap alternatif lain.

Teman Perjalanan bermaksud seseorang yang mempunyai tempahan perjalanan untuk mengiringi Anda sepanjang Perjalanan. Seorang Teman Perjalanan mestilah orang yang ditanggung secara berasingan di bawah polisi insurans perjalanan percutian yang ditaja jamin oleh Kami untuk Perjalanan yang sama.

Pengamal Perubatan Tradisional bermaksud pengamal perubatan tradisional berlesen yang sah (termasuk ahli akupunktur atau bomoh tulang) yang sewajarnya berdaftar dan melaksanakan tugasnya dalam skop pelesenan dan latihannya dalam bidang amali geografi. Pengamal Perubatan Tradisional tidak boleh termasuk Anda atau mana-mana Ahli Keluarga.

Perbelanjaan Perubatan yang Biasa, Munasabah dan Lazim bermaksud caj untuk rawatan, bekalan atau perkhidmatan perubatan yang diperlukan untuk merawat keadaan Anda, tidak melebihi kadar caj biasa untuk rawatan, bekalan atau perkhidmatan perubatan yang serupa di tempat perbelanjaan tersebut ditanggung dan tidak termasuk caj yang tidak akan dikenakan jika tiada insurans diambil.

Kami bermaksud Chubb Insurance Malaysia Berhad, Nombor Pendaftaran : 197001000564 (9827-A).

Anda bermaksud Orang Bertanggung Utama.

Zon bermaksud:

Zon 1: Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China (tidak termasuk Tibet dan Mongolia), Hong Kong SAR, India, Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Macau SAR, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Vietnam.

Zon 2: Seluruh dunia, termasuk Zon 1 (tidak termasuk AS, Kanada, Timur Tengah, Nepal, Tibet, Mongolia & Cuba)

Zon 3: Seluruh dunia (tidak termasuk Cuba)

Domestik: Di dalam Malaysia dan perjalanan melebihi 50km dari tempat tinggal.

Bahagian 2 - Kelayakan

1. Untuk layak menerima perlindungan di bawah Polisi Utama ini untuk Perjalanan Luar Negara:

- a) Anda mestilah seorang pelanggan Pemegang Polisi;
- b) Anda dan/atau Pasangan Anda (di mana Pelan Keluarga dipilih) mestilah Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, atau pemegang permit kerja, pas pekerjaan, pas tanggungan, pas lawatan sosial jangka panjang, atau pas pelajar yang sah (yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia) dan berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada Tarikh Kuatkuasa;
- c) Anak(-anak), mestilah:

- i) Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, atau pemegang pas tanggungan atau pas pelajar yang sah (dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia);
- ii) berumur sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan tidak melebihi lapan belas (18) tahun (atau dua puluh tiga (23) tahun jika belajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf) pada Tarikh Kuatkuasa;

tidak berkahwin; dan

- iii) tidak bekerja.

2. Untuk layak menerima perlindungan di bawah Polisi Utama ini untuk Perjalanan Domestik:

- a) Anda mestilah seorang pelanggan Pemegang Polisi;
- b) Anda dan/atau Pasangan Anda (di mana Pelan Keluarga dipilih) mestilah Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, atau pemegang permit kerja, pas pekerjaan, pas tanggungan, pas lawatan sosial jangka panjang, atau pas pelajar yang sah (yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia) dan berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun sehingga lapan puluh (80) tahun pada Tarikh Kuatkuasa;
- c) Anak(-anak), mestilah:
 - i) Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, atau pemegang pas tanggungan atau pas pelajar yang sah (dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia);
 - ii) berumur sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan tidak melebihi lapan belas (18) tahun (atau dua puluh tiga (23) tahun jika belajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf) pada Tarikh Kuatkuasa;
 - iii) tidak berkahwin; dan
 - iv) tidak bekerja.

3. Sekiranya Anda berumur kurang dari lapan belas (18) tahun ketika memperolehi Perlindungan di bawah Polisi Utama ini, Ibu bapa atau Penjaga Anda mesti memasuki kontrak insurans untuk Perlindungan di bawah Polisi Utama ini dengan Kami bagi pihak Anda.

4. Sekiranya Anda di bawah umur lapan belas (18) tahun apabila membeli Perlindungan di bawah Polisi Utama ini, Anda hanya dibenarkan untuk mengambil insurans Perjalanan Sehala jika Anda seorang pelajar yang pergi ke Luar Negara untuk menyambung pengajian atau Anda berhijrah.

Bahagian 3 - Skop dan Had Perlindungan dan Manfaat

Seksyen 1 - Permulaan Perlindungan

1. Pelan Perjalanan Tunggal

a) Perlindungan di bawah Seksyen 11 Bahagian 7 untuk Perbelanjaan Pembatalan berkuatkuasa apabila Sijil Insurans dikeluarkan dan tamat pada permulaan Perjalanan yang diatur dari Malaysia (untuk Perjalanan Luar Negara) atau dari Rumah Anda (untuk Perjalanan Domestik).

b) Perlindungan di bawah Seksyen 11 Bahagian 7 untuk Perbelanjaan Penangguhan berkuatkuasa apabila Sijil Insurans dikeluarkan dan tamat apabila Perjalanan Luar Negara yang diatur ditangguhkan.

Untuk semua Seksyen lain, perlindungan bermula pada permulaan Perjalanan yang diatur.

2. Pelan Tahunan

Perlindungan di bawah Seksyen 11 Bahagian 7 untuk Perbelanjaan Pembatalan berkuatkuasa pada tarikh dan masa Anda mengesahkan tempahan untuk Perjalanan (Luar Negara atau Domestik).

3. Pelan Keluarga

Di mana Anda telah memperolehi Perlindungan di bawah Pelan Keluarga, Perlindungan tersebut akan dilanjutkan kepada Pasangan Anda dan/atau Anak(-anak) seperti yang dinamakan di dalam Sijil Insurans. Sekiranya Pelan Keluarga diperolehi walaupun Anda tidak membuat Perjalanan tetapi Pasangan Anda dan/atau Anak(-anak) membuat Perjalanan, Perlindungan tersebut tetap berkenaan kepada Pasangan Anda dan Anak(-anak) sebagai Orang Tertanggung di bawah Perlindungan dan Pasangan Anda boleh membuat tuntutan di atas pihak dirinya sendiri, tertakluk kepada keperluan yang dinyatakan di dalam seksyen Takrifan.

Seksyen 2 - Had Perlindungan

1. Semua Perlindungan Anda di bawah Polisi Utama ini akan ditamatkan secara automatik pada peristiwa terawal antara yang berikut:
 - i) Apabila tamat mana-mana Tempoh Insurans;
 - ii) Apabila Anda tidak lagi memenuhi mana-mana syarat kelayakan yang ditetapkan di sini;
 - iii) Pada kematian Anda;
 - iv) Apabila Anda kembali ke Malaysia (untuk Perjalanan Luar Negara) atau Rumah Anda (untuk Perjalanan Domestik).
2. Sekiranya Perlindungan Anda di bawah Polisi Utama ini ditamatkan di bawah Fasal 1 di atas, Perlindungan untuk semua Orang Tertanggung dalam Sijil Insurans yang sama (jika ada) akan ditamatkan secara automatik.
3. Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dalam pengendorsan yang sesuai, Anda hanya akan dilindungi:
 - a) Di bawah Pelan Tahunan:
 - i) Untuk Perjalanan Luar Negara: untuk sembilan puluh (90) hari berturut-turut dalam mana-mana Perjalanan, dan Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa kerugian yang berlaku selepas jam 12.00 pagi pada hari kesembilan puluh satu (91) selepas permulaan Perjalanan, atau penamatan perlindungan di bawah Fasal 1 di atas, yang mana lebih awal;
 - b) Di bawah Pelan Perjalanan Tunggal:
 - i) Untuk Perjalanan Luar Negara: untuk seratus lapan puluh tiga (183) hari pertama berturut-turut dalam mana-mana Perjalanan, dan Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa kerugian yang berlaku selepas jam 12.00 pagi pada hari keseratus lapan puluh empat (184) selepas permulaan mana-mana Perjalanan, atau penamatan perlindungan di bawah Fasal 1 di atas, yang mana lebih awal;
 - ii) Untuk Perjalanan Domestik: untuk tiga puluh (30) hari pertama berturut-turut dalam mana-mana Perjalanan, dan Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa kerugian yang berlaku selepas jam 12.00 pagi pada hari ketiga puluh satu (31) selepas permulaan Perjalanan atau penamatan perlindungan di bawah Fasal 1 di atas, yang mana lebih awal;
4. Skop Perlindungan dan Manfaat di bawah Polisi Utama ini adalah terhad kepada Zon yang dinyatakan dalam Sijil Insurans di mana negara-negara yang termasuk dalam Zon tersebut dinyatakan di bawah takrifan.

Seksyen 3 - Lanjutan Otomatik Polisi

1. Sekiranya Anda, sebagai penumpang yang memegang tiket Pengangkutan Umum yang dijadualkan, dihalang daripada melengkapkan perjalanan pulang bagi Perjalanan Pergi Balik dalam Tempoh Insurans, disebabkan oleh:
 - a) Keadaan Perubatan Kritikal Anda; atau
 - b) Pengangkutan Umum yang dijadualkan di mana Anda melakukan perjalanan tertunda yang tidak dapat dielakkan kerana Mogok atau tindakan perindustrian, keadaan cuaca buruk atau kerosakan

mekanikal/gangguan Pengangkutan Umum atau disebabkan terbenamnya pesawat akibat kecacatan mekanikal atau struktur;

Tempoh Insurans akan dilanjutkan secara automatik sehingga tempoh:

- a) empat belas (14) hari tanpa premium tambahan untuk Perjalanan Luar Negara;
 - b) tujuh (7) hari tanpa premium tambahan untuk Perjalanan Domestik.
2. Sekiranya Anda dan Teman Perjalanan Anda dihalang daripada melengkapkan perjalanan pulang bagi Perjalanan Pergi Balik dalam Tempoh Insurans, disebabkan Anda Dikurung di:
- a) untuk Perjalanan Luar Negara - Hospital Luar Negara semasa tamatnya Sijil Insurans semasa dalam Perjalanan Anda, Tempoh Insurans akan dilanjutkan secara automatik sehingga tiga puluh (30) hari tanpa premium tambahan;
 - b) untuk Perjalanan Domestik - Hospital di Malaysia semasa tamatnya Sijil Insurans semasa dalam Perjalanan Anda, Tempoh Insurans akan dilanjutkan secara automatik sehingga tujuh (7) hari tanpa premium tambahan.

Bahagian 4 - Pengecualian Am

Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, yang disebabkan oleh, akibat daripada, yang timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh mana-mana yang berikut:

1. Apa-apa Keadaan Sedia Ada atau keadaan kongenital.
2. Apa-apa keadaan, yang merupakan atau akibat daripada atau merupakan komplikasi jangkitan dengan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), apa-apa varians termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit ('AIDS'), dan Komplikasi Berkaitan AIDS ('ARC'), atau apa-apa jangkitan oportunistik dan/atau neoplasma malignan (tumor) yang dikenalpasti dengan kewujudan HIV, AIDS atau ARC.
3. Apa-apa keadaan, akibat daripada atau komplikasi kehamilan, melahirkan anak, keguguran (kecuali keguguran kerana Kecederaan Tubuh yang disebabkan secara langsung daripada Kemalangan sepertimana yang dilindungi di bawah Seksyen 3 Bahagian 7) atau pengguguran.
4. Apa-apa keadaan, akibat daripada atau komplikasi bunuh diri atau percubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan.
5. Penyakit atau gangguan sifat psikologi, gangguan mental dan saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan.
6. Apa-apa keadaan yang berpunca daripada atau merupakan satu komplikasi bagi mana-mana penyakit kelamin.
7. Kandungan alkohol dalam darah dan/atau sampel air kencing melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang negara semasa Kecederaan Tubuh berlaku atau ubat yang bukan dipreskripsikan oleh Doktor dan bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
8. Perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau apa-apa tindakan peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
9. Kerugian, kemusnahan atau kerosakan mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang timbul daripada atau apa-apa kerugian turutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau menyumbang kepada atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.

10. Apa-apa tindakan Anda secara sengaja atau dengan niat, sama ada ketika waras atau tidak, kecederaan yang disengajakan, pakatan bunuh diri atau perjanjian atau apa-apa cubaan melakukannya, merangsang pembunuhan atau serangan.
11. Anda bertindak sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang, kakitangan perubatan atau perkhidmatan kebakaran kecemasan, kakitangan pertahanan awam atau anggota tentera mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa, sama ada perkhidmatan sepenuh masa atau sebagai sukarelawan.
12. Anda terlibat dalam penerbangan, selain sebagai penumpang yang membayar tambang, menaiki pesawat dan turun dari mana-mana pesawat sayap tetap yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat penerbangan berjadual tetap atau syarikat udara persendirian yang disewa dan berjadual yang dilesenkan dengan sewajarnya untuk pengangkutan biasa penumpang yang membayar tambang atau dalam helikopter yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang dilesenkan dengan sewajarnya untuk pengangkutan biasa penumpang yang membayar tambang, dengan syarat helikopter tersebut dikendalikan hanya antara lapangan terbang komersial dan/atau pangkalan helikopter berlesen.
13. Tindakan haram (atau peninggalan) oleh Anda atau pelaksana, pentadbir, waris sah atau wakil peribadi Anda.
14. Kerugian disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, pemusnahan dan sekatan.
15. Apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau yang diakibatkan oleh Perjalanan yang dibuat oleh Anda yang melanggar nasihat Doktor atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.
16. Apa-apa larangan atau pelanggaran peraturan kerajaan atau kegagalan oleh Anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan tuntutan di bawah Polisi Utama ini berikutan amaran apa-apa Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam yang disengajakan melalui atau oleh media massa umum.
17. Anda tidak melakukan segala usaha yang munasabah untuk melindungi harta Anda atau mengelakkan apa-apa kecederaan atau meminimumkan apa-apa tuntutan di bawah Polisi Utama ini.
18. Semasa terlibat dalam perkhidmatan tentera laut, tentera darat atau udara atau operasi atau pengujian apa-apa jenis pengangkutan atau bekerja sebagai pekerja manual atau semasa melakukan kegiatan luar pesisir seperti menyelam, perlombongan minyak, perlombongan atau fotografi udara atau pengendalian bahan letupan atau kehilangan atau kerosakan peralatan sewa atau pajakan, peminjaman di luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan Anda, visa cuti bekerja, Perjalanan Pergi Balik untuk pelajar yang belajar di luar negara (sepenuh masa atau jangka pendek).
19. Apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang timbul berkaitan dengan atau yang diakibatkan oleh Perjalanan yang Anda lakukan yang melanggar nasihat perjalanan Kementerian Luar Negeri Malaysia atau Kementerian Kesihatan Malaysia, berhubung dengan Rusuhan, Mogok atau Kekecohan Awam sebenar atau yang diancam, perang atau keadaan perang, wabak penyakit atau keadaan kesihatan yang tidak selamat, atau Bencana Alam yang akan berlaku, ke negara atau wilayah Destinasi Anda, kecuali Perjalanan telah dimulakan sebelum nasihat perjalanan dikeluarkan.
20. Kerugian turutan atau apa-apa jenis kerosakan.
21. Apa-apa kerugian yang disebabkan oleh serangan penganas dengan bahan nuklear, kimia dan/atau biologi.
22. Penyertaan Anda secara langsung dalam apa-apa Tindakan Keganasan.
23. Apa-apa kerugian atau perbelanjaan berhubung dengan Cuba atau orang, entiti, kumpulan atau syarikat yang dilantik khas dalam Senarai Warganegara Khusus yang Ditetapkan atau jika dibayar balik atau dibayar oleh Kami akan mengakibatkan Kami melanggar sekatan perdagangan atau ekonomi atau undang-undang atau peraturan lain yang serupa.

24. Kami tidak akan (di bawah mana-mana Seksyen) membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan Cuba.
25. Anda menyertai atau terlibat dalam:
- Sukan Ekstrem atau Aktiviti Persukuanan;
 - Berlatih, mengambil bahagian dalam atau melatih apa-apa pertandingan kelajuan atau perlumbaan, apa-apa pertandingan profesional atau sukan atau apa-apa sukan di mana Anda akan memperoleh atau boleh menerima saraan, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan;
 - Perlumbaan, selain daripada berjalan kaki tetapi tidak termasuk ultra maraton, biatlon atau triatlon;
 - Ski luar pesisir, lompat ski, perlumbaan ski, ski laluan luar, ski gaya bebas, dan penggunaan kereta geluncur;
 - Pendakian Gunung atau membuat Perjalanan Jauh;
 - Selam skuba melainkan jika Anda memegang sijil PADI (atau kelayakan serupa yang diiktiraf) atau menyelam dengan seorang pengajar yang berkelayakan. Dalam situasi ini, kedalaman maksimum yang dilindungi oleh Polisi Utama ini ditentukan di bawah pensijilan PADI (atau kelayakan serupa) tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) meter dan Anda tidak boleh menyelam berseorangan;
 - Perjalanan memburu persendirian;
 - Sukan musim sejuk: permainan papan salji, tiub salji, arung jeram salji, permainan kereta salji, jalan kaki glasier dengan jurupandu yang berkelayakan;
 - Sukan berbasikal: basikal bukit, basikal empat roda, basikal ekspedisi atau jelajah motor, basikal motor;
 - Kembara pemanduan 4-roda.
26. Untuk Perjalanan Domestik: Penyakit, sakit, penyakit atau apa-apa jangkitan bakteria selain daripada jangkitan bakteria yang merupakan akibat langsung daripada pemotongan atau luka secara kemalangan dan yang tidak disengajakan.

Bahagian 4.1 Pengecualian Sekatan yang Digunapakai untuk Polisi Utama ini

Insurans ini tidak digunapakai sehingga tahap sekatan perdagangan atau ekonomi atau undang-undang atau peraturan lain yang melarang Kami daripada menyediakan insurans, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembayaran tuntutan. Semua terma dan syarat lain Polisi Utama ini kekal tidak berubah.

Chubb Insurance Malaysia Berhad adalah anak syarikat/cawangan sebuah syarikat AS dan Chubb Limited, sebuah syarikat tersenarai NYSE. Dengan itu, Chubb Insurance Malaysia Berhad tertakluk kepada beberapa undang-undang dan peraturan AS di samping sekatan Kesatuan Eropah, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Malaysia yang boleh melarangnya daripada menyediakan perlindungan atau membayar tuntutan kepada sesetengah orang atau entiti atau menanggung beberapa jenis aktiviti berkaitan dengan sesetengah negara seperti Cuba.

Bahagian 5 - Syarat-syarat Khas

Seksyen 1 - Syarat-syarat Digunapakai untuk Pelan Tahunan Sahaja

1. Pembatalan

Kami boleh membatalkan Perlindungan ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis tujuh (7) hari secara bertulis yang dihantar kepada Anda atau ke alamat terakhir Anda seperti yang tertera dalam rekod Kami yang menyatakan apabila selepas itu, pembatalan tersebut akan berkuatkuasa. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, Kami akan mengembalikan dengan segera, bahagian pro-rata yang tidak diperolehi daripada mana-mana premium yang sebenarnya dibayar oleh Anda. Pembatalan tersebut hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan yang bermula sebelum ini.

Anda boleh membatalkan Perlindungan ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kepada Kami jika tiada tuntutan yang timbul dalam Tempoh Insurans semasa. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, Kami akan memohon bayaran balik kadar pendek seperti berikut:

Jadual Bayaran Balik Premium %

Tempoh bulan semasa Polisi dibatalkan	% jumlah premium dibayar yang perlu dibayar balik
Dalam tempoh 2 bulan	60%
Dalam tempoh 3 bulan	50%
Dalam tempoh 4 bulan	40%
Dalam tempoh 5 bulan	30%
Dalam tempoh 6 bulan	25%
Lebih dari 6 bulan	Tiada bayaran balik

Tiada bayaran balik jika tuntutan telah dibuat semasa Tempoh Insurans.

Pembatalan tersebut hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa peristiwa yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi Utama ini sebelum tarikh pembatalan. Sekiranya terdapat apa-apa tuntutan sedemikian, Kami berhak untuk mendapatkan kembali semua premium yang dibayar balik dan menolak jumlah tersebut daripada apa-apa tuntutan yang perlu dibayar oleh Kami.

2. Tambahan Orang Tertanggung

Tiada orang yang akan dilindungi oleh Polisi Utama ini di bawah Perlindungannya melainkan orang tersebut dinamakan secara khusus sebagai Orang Tertanggung dan dibuktikan dengan pengendorsan bertulis pada Sijil Insurans. Premium tambahan akan dikenakan untuk setiap tambahan Orang Tertanggung yang dimasukkan di dalam Sijil Insurans di bawah Polisi Utama ini selepas bermulanya Tempoh Insurans atau pada masa pembaharuan Sijil Insurans ini.

3. Pembaharuan

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini, Perlindungan boleh diperbaharui dengan bayaran premium pendahuluan atau mengikut Waranti Bayaran Sebelum Perlindungan seperti yang dikenakan pada kadar premium Kami yang berkuatkuasa pada masa pembaharuan.

4. Kelayakan Had Umur

Selanjutnya dengan syarat kelayakan yang dinyatakan dalam Bahagian 2 di atas, untuk Pelan Tahunan, kelayakan umur untuk Anda layak menerima perlindungan adalah di antara umur lapan belas (18) tahun dan tujuh puluh (70) tahun pada masa Anda memohon insurans ini, dengan pembaharuan polisi sehingga umur lapan puluh (80) tahun.

Seksyen 2 - Lanjutan dan Peluasan Perlindungan

Tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kami, Anda boleh pada bila-bila masa, dalam Tempoh Insurans dan sebelum memulakan Perjalanan, mendapatkan peluasan perlindungan geografi dari "Zon 1" ke "Zon 2" atau "Zon 3", atau dari "Zon 2" ke "Zon 3", dengan memaklumkan kepada Kami perubahan yang dikehendaki dan membayar premium tambahan yang sesuai.

Jika, semasa Anda dalam Perjalanan dan disebabkan keadaan yang tidak dijangka, memerlukan lanjutan Tempoh Insurans, Kami boleh mengikut budi bicara Kami, sama ada meluluskan atau menolak permintaan Anda. Apa-apa kelulusan berkenaan mesti dibuat secara bertulis. Jika Kami meluluskan dan bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Insurans, kelulusan Kami adalah tertakluk kepada premium tambahan dan pengesahan Anda bahawa tiada tuntutan/peristiwa diketahui yang mungkin menimbulkan tuntutan yang berpotensi di bawah Polisi Utama ini sebelum permintaan Anda yang dinyatakan itu. Kami juga tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa tuntutan yang timbul daripada, atau berkaitan dengan apa-apa kerugian/peristiwa yang berlaku sebelum lanjutan Tempoh Insurans.

Jika Kami meluluskan, satu pengendorsan yang menyatakan perubahan dalam Tempoh Insurans dan/atau perlindungan geografi akan dikeluarkan kepada Anda.

Seksyen 3 - Syarat-syarat Digunapakai untuk Pelan Perjalanan Tunggal Sahaja

a) Kami boleh membatalkan Perlindungan pada bila-bila masa dengan memberikan Anda notis secara bertulis yang dihantar kepada Anda atau ke alamat terakhir Anda seperti yang tertera dalam rekod Kami, jika Anda melanggar mana-mana undang-undang atau terma dan syarat Polisi Utama ini. Sekiranya berlaku pembatalan tersebut, tiada bayaran balik premium akan dibuat.

b) Anda boleh membatalkan Perlindungan dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari (Notis Pembatalan) kepada Kami. Sekiranya Sijil Insurans telah dikeluarkan sebelum Kami menerima Notis Pembatalan, tiada bayaran balik premium akan dibuat kepada Anda.

Seksyen 4 - Syarat-syarat Yang Digunapakai untuk Pembatalan Polisi Utama

1. Syarat Pembatalan Polisi Utama Oleh Kami

Kami boleh membatalkan Polisi Utama dengan memberi Pemegang Polisi sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis terlebih dahulu kepada alamat terkini di dalam fail (“Tempoh Notis Penanggung Insurans”). Semasa Tempoh Notis Penanggung Insurans, Pemegang Polisi akan berhenti menjadi pentadbir Polisi Utama hanya apabila tamatnya Tempoh Notis Penanggung Insurans dan/atau Tempoh Insurans Perlindungan Anda masing-masing. Sekiranya pembatalan tersebut berlaku, semua Perlindungan yang masih berkuatkuasa sebelum Tempoh Notis Penanggung Insurans akan berterusan sehingga tamatnya Tempoh Insurans masing-masing.

2. Syarat Pembatalan Polisi Utama Oleh Pemegang Polisi

Pemegang Polisi boleh membatalkan Polisi Utama ini pada bila-bila masa dengan memberi Kami sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis terlebih dahulu (“Tempoh Notis Pemegang Polisi”). Semasa Tempoh Notis Pemegang Polisi, Pemegang Polisi mesti berhenti melanjutkan Perlindungan yang baru di bawah Polisi Utama ini kepada pelanggan Pemegang Polisi yang lain. Pemegang Polisi akan berhenti menjadi pentadbir Polisi Utama hanya apabila tamatnya Tempoh Notis Pemegang Polisi dan/atau Tempoh Insurans Perlindungan Anda masing-masing. Sekiranya pembatalan tersebut berlaku, Perlindungan yang masih berkuatkuasa sebelum Tempoh Notis Pemegang Polisi akan berterusan sehingga tamatnya Tempoh Insurans masing-masing.

Bahagian 6 - Syarat-syarat Am

1. Waranti Bayaran Sebelum Perlindungan

Adalah dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawa jumlah premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan benar-benar diterima sepenuhnya oleh Kami (atau perantara yang terlibat dalam pelaksanaan Polisi Utama ini) pada atau sebelum tarikh permulaan perlindungan di bawah Polisi Utama, sijil pembaharuan, Sijil Insurans, atau pengendorsan.

Sekiranya jumlah premium yang belum dibayar tidak dibayar dan benar-benar diterima sepenuhnya oleh Kami (atau perantara yang terlibat dalam pelaksanaan Polisi Utama ini) pada atau sebelum tarikh permulaan yang disebut di atas, maka Polisi Utama, sijil pembaharuan, Sijil Insurans dan pengendorsan tidak akan dilampirkan dan tiada manfaat yang perlu dibayar oleh Kami. Apa-apa pembayaran yang diterima selepas itu

tidak akan berkuatkuasa sama sekali memandangkan perlindungan tidak pernah dilampirkan pada Polisi Utama, sijil pembaharuan, Sijil Insurans atau pengendorsan.

2. Seluruh Kontrak, Perubahan

Polisi Utama ini, Sijil Insurans, Jadual Manfaat, dan apa-apa pindaan atau pengendorsan hendaklah membentuk keseluruhan kontrak insurans. Kami berhak meminda syarat dan peruntukan Polisi Utama ini dengan memberi Anda dan Pemegang Polisi notis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu melalui komunikasi elektronik atau alamat terakhir Anda di dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut akan digunapakai dari tempoh tamatnya notis tersebut DENGAN SYARAT bahawa perubahan terma dan peruntukan (melainkan yang diperlukan di bawah undang-undang, perintah mahkamah atau mengikut garis panduan yang diisu oleh peraturan atau pihak berkuasa yang lain) telah pertama disetujui oleh Pemegang Polisi. Tiada perubahan kepada Polisi Utama ini yang akan dianggap sah kecuali diluluskan secara bertulis oleh wakil Kami yang sah dan kelulusan sedemikian hendaklah diendorskan di sini.

3. Prasyarat kepada Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi Utama ini oleh Anda dan setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Anda, menjadi prasyarat untuk liabiliti Kami membayar apa-apa pembayaran di bawah Polisi Utama ini.

4. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan yang akan diambil untuk mendapatkan semula Polisi Utama ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti tuntutan bertulis telah difailkan menurut peruntukan Polisi Utama ini.

5. Salah Nyata

Jika cadangan atau pengisytiharan (sama ada secara lisan atau bertulis) oleh Anda didapati secara sengaja atau secara tidak sengaja, tidak benar atau apa-apa fakta material yang menjejaskan risiko telah sengaja atau secara tidak sengaja dinyatakan dengan salah atau ditinggalkan, atau jika insurans ini, atau apa-apa pembaharuannya mestilah diperoleh melalui mana-mana salah nyata yang sengaja atau tidak sengaja, salah nyata atau penindasan, atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat menjadi penipuan atau dibesar-besarkan, atau jika apa-apa pengisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan itu, maka dalam mana-mana kes ini, Polisi Utama ini, atau mana-mana Sijil Insurans yang terjejas, akan menjadi tidak sah.

6. Tanggungjawab Anda Kepada Kami

Anda mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- a) untuk tidak membuat salah nyata kepada Kami dalam menjawab apa-apa soalan yang Kami ajukan;
- b) semasa memperbaharui Polisi Utama ini atau apa-apa perlindungan, tidak membuat salah nyata kepada Kami dalam menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang sebelum ini didedahkan kepada Kami berkaitan dengan Polisi Utama ini atau Perlindungan sedemikian; dan
- c) mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami minta dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.

Pelanggaran Tanggungjawab Anda seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan Kami mengelak Polisi Utama atau menyebabkan Sijil Insurans terjejas dan menolak semua tuntutan, atau syarat-syarat Polisi Utama atau Sijil Insurans diubah, dan/atau jumlah yang akan dibayar atas tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung kepada jenis salah nyata atau pendedahan yang tidak dibuat dan akibat salah nyata atau pendedahan yang tidak dibuat tersebut.

7. Prosedur Tuntutan

Sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi Utama ini, Anda atau wakil sah Anda mesti memberikan notis bertulis kepada kami secepat mungkin dan, dalam apa jua keadaan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh kejadian kepada Jabatan Tuntutan, Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Jika Anda, atau wakil sah Anda ingin membuat tuntutan, Anda atau mereka mesti:

- a) melengkapkan borang tuntutan (borang tuntutan boleh didapati daripada Kami);
- b) melampirkan pada borang tuntutan tersebut:
 - i) resit asal untuk apa-apa perbelanjaan yang dituntut;
 - ii) apa-apa laporan yang diperolehi daripada pihak polis, pembawa atau pihak berkuasa lain mengenai Kemalangan, kerugian atau kerosakan; dan

- iii) apa-apa bukti dokumentasi lain yang diperlukan oleh Kami di bawah Polisi Utama.
- c) menyerahkan kepada Kami borang tuntutan yang lengkap dan dokumen yang disertakan dalam masa tiga puluh (30) hari dari kehilangan yang berlaku yang menimbulkan tuntutan; dan
- d) menyerahkan kepada Kami, atas perbelanjaan Anda, atau wakil Anda yang sah, semua sijil/laporan/dokumen dan bukti perubatan dan lain-lain yang diperlukan oleh Kami yang sewajarnya diperlukan untuk menilai tuntutan tersebut.

Kami boleh meminta Anda menjalani pemeriksaan perubatan atas perbelanjaan Kami apabila dan seberapa kerap yang dikehendaki sewajarnya oleh Kami setelah tuntutan dibuat. Kami juga boleh mengatur bedah siasat jika dikehendaki sewajarnya oleh Kami dan ia tidak dilarang oleh undang-undang.

8. Bayaran Manfaat

Bayaran apa-apa manfaat di bawah Polisi Utama ini tertakluk kepada Takrifan, pengecualian, dan semua terma dan syarat lain yang berkaitan dengan Manfaat.

Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi Utama ini akan dibayar kepada Anda. Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi Utama ini berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh atau bagi pihak mana-mana Anak (-anak) yang bertanggung di bawah ini akan dibayar kepada Orang Bertanggung yang telah membeli perlindungan, dengan syarat Orang Bertanggung mempunyai faedah boleh ditanggung ke atas hayat Anak(-anak) tersebut. Apa-apa manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi Utama ini sekiranya berlaku Kematian Anda, akan dibayar kepada penama Anda atau kepada orang yang Kami perlu bayar di bawah undang-undang, jika tiada penama sedemikian.

9. Interpretasi

Polisi Utama ini, termasuk permohonan, Sijil Insurans, pengendorsan dan pindaan, jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang mana maksud tertentu telah dilampirkan hendaklah, melainkan jika kandungannya menghendaki makna yang lain, menanggung makna khusus di mana-mana sahaja ia dinyatakan.

Sekiranya terdapat percanggahan di antara dokumen Polisi Utama ini, ketidakselarasan akan diselesaikan mengikut turutan di mana dokumen yang disenaraikan akan pertama digunapakai :-

- (a) keterangan polisi ini;
- (b) Sijil Insurans;
- (c) borang pendaftaran (jika berkenaan).

10. Penamatan Bagi Kes Premium Tidak Dibayar

Sijil Insurans akan dianggap tidak sah dari tarikh keluaran sekiranya premium tidak dibayar.

11. Hak Kami Selepas Tuntutan

Kami dibenarkan untuk membuat tindakan atas nama Anda dan bagi pihak Anda, pembelaan atau penyelesaian apa-apa tindakan undang-undang dan mengambil tindakan atas manfaat Kami sendiri tetapi atas nama Anda untuk mendapatkan pampasan daripada pihak ketiga berkenaan dengan apa jua perkara yang dilindungi oleh Polisi Utama ini.

12. Pelbagai Polisi

Anda hanya boleh dilindungi di bawah satu polisi insurans perjalanan percutian yang ditaja jamin oleh Kami untuk Perjalanan yang sama. Apa-apa polisi insurans perjalanan percutian tambahan yang ditaja jamin oleh Kami yang diambil oleh Anda akan menjadi tidak sah.

13. Pematuhan Kepada Peruntukan Polisi Utama

Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Polisi Utama ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.

14. Sumbangan

Sekiranya Anda berhak untuk pengembalian wang atau pembayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan berkenaan daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat apa-apa insurans lain terhadap peristiwa yang dilindungi di bawah Polisi Utama ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperolehi daripada sumber atau insurans lain itu.

15. Bidang Kuasa

Semua pertikaian yang berkaitan dengan Polisi Utama ini mesti dikemukakan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

16. Notis Amanah atau Penugasan dan Hak-hak Pihak Ketiga

Kami tidak akan terikat atau dipengaruhi oleh apa-apa notis tentang apa-apa amanah, dakwaan, lien, tugasan atau urusan lain dengan atau berhubung dengan Polisi Utama ini.

Seseorang yang bukan pihak kontrak Polisi Utama ini tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan mana-mana termannya.

17. Undang-undang yang Mentadbir

Polisi Utama ini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

18. Faedah

Tiada jumlah perlu dibayar oleh Kami di bawah Polisi Utama ini yang akan membawa faedah melainkan jika diperuntukkan oleh undang-undang.

19. Mata Wang dan Kadar Pertukaran

Premium dan manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi Utama ini adalah dalam Ringgit Malaysia.

Sekiranya bayaran balik mana-mana Manfaat di bawah Polisi Utama ini adalah berdasarkan bil dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, Kami akan membayar balik dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran mengikut sebut harga (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh caj-caj itu ditanggung.

20. Ralat Perkeranian

Kesalahan perkeranian oleh Kami tidak akan membatalkan insurans yang sebaliknya berkuatkuasa secara sah, mahupun meneruskan insurans yang sebaliknya tidak berkuatkuasa secara sah.

21. Pentadbir Polisi

Pemegang Polisi membantu Kami untuk memudahkan pentadbiran Polisi Utama ini. Untuk kejelasan, Pemegang Polisi tidak membuat keputusan pengunderaitan termasuk siapa boleh dilindungi atau terma Perlindungan atau Pemegang Polisi juga tidak bertanggungjawab untuk proses tuntutan dan apa-apa penyelesaian pertikaian di bawah Polisi Utama. Sehingga had yang dibenarkan di bawah undang-undang, Pemegang Polisi mengecualikan semua liabiliti (termasuk kecuaihan, samada secara langsung, tidak langsung atau berakibat) yang timbul dari atau yang berkaitan dengan Polisi Utama.

Bahagian 7 - Manfaat

Kami hanya akan membayar untuk satu (1) Manfaat di bawah Seksyen-seksyen berkenaan seperti berikut:

a) Untuk Perjalanan Luar Negara :

- i) Seksyen 11 Perbelanjaan Pembatalan atau Perbelanjaan Penangguhan;
- ii) Seksyen 14 atau 18 atau 27B;
- iii) Seksyen 19 atau 20 atau 21 atau 22 atau 23.

b) Untuk Perjalanan Domestik :

- i) Seksyen 11 atau Seksyen 12;
- ii) Seksyen 14 atau Seksyen 18 atau Seksyen 27B.

Manfaat Utama

Seksyen 1 – Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami Kecederaan Tubuh yang mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh Kemalangan.
Syarat-syarat Tambahan	Kejadian Kematian atau apa-apa Hilang Upaya Kekal yang khusus yang perlu dibayar di bawah Seksyen ini akan sekaligus menamatkan semua insurans di bawah Polisi Utama ini, tetapi penamatan sedemikian tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan lain yang timbul daripada Kemalangan yang menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal tersebut. Tiada bayaran akan dibuat dalam apa jua keadaan untuk lebih daripada satu perkara yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di atas. Sekiranya Anda mengalami lebih daripada satu jenis Hilang Upaya Kekal dalam Kemalangan yang sama, liabiliti Kami di bawah Seksyen ini adalah terhad kepada satu jenis pembayaran untuk Hilang Upaya Kekal yang, daripada semua Hilang Upaya Kekal yang sebenarnya dialami, menarik peratusan terbesar yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar kepada penama Anda atau kepada orang yang Kami perlu bayar mengikut undang-undang jika tiada penama sedemikian, pampasan mengikut skala yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah dan sehingga jumlah Manfaat maksimum berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan Kami tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, yang disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh Penyakit.

Jadual Manfaat

Kejadian Kehilangan	Pampasan perlu dibayar % jumlah maksimum tertanggung yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat
Kematian Akibat Kemalangan	100%
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%
Hilang Upaya Pertuturan dan Hilang Upaya Pendengaran kedua-dua telinga	100%
Hilang Upaya Penglihatan kedua-dua mata	100%
Hilang Anggota pada sekurang-kurangnya dua Anggota Tubuh	100%
Hilang Anggota pada satu Anggota Tubuh	50%
Kehilangan kanta mata sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan pada sekurang-kurangnya satu mata, yang tidak dapat dipulihkan oleh pembedahan atau rawatan lain	50%
Hilang Upaya Pertuturan	50%

Hilang Upaya Pendengaran Menyeluruh dan Kekal pada i) Kedua-dua Telinga ii) satu Telinga	50% 15%
--	------------

Seksyen 2 – Manfaat Pendidikan Anak (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami Kecederaan Tubuh yang mengakibatkan Kematian yang mana manfaatnya dibayar di bawah Seksyen 1 - Kemalangan Peribadi, dan Anda mempunyai Anak yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar sehingga jumlah Manfaat berkaitan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap Anak yang masih hidup sehingga maksimum empat (4) orang Anak tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 – Pengecualian Am.

Seksyen 3 – Perbelanjaan Perubatan

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan: a) Untuk Perjalanan Luar Negara: Anda menanggung Perbelanjaan Perubatan di Luar Negara yang disebabkan secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit atau Perbelanjaan Pergigian yang disebabkan secara langsung daripada Kecederaan Akibat Kemalangan. b) Untuk Perjalanan Domestik : Anda menanggung Perbelanjaan Perubatan yang disebabkan secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Perbelanjaan Pergigian yang disebabkan secara langsung daripada Kecederaan Akibat Kemalangan.
Syarat-syarat Tambahan	Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pengembalian wang atau bayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tersebut daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat apa-apa insurans lain untuk peristiwa yang dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperoleh daripada sumber atau insurans lain itu.

	<p>a) Untuk Perjalanan Luar Negara: Kami mempunyai pilihan untuk menghantar Anda pulang ke Malaysia, jika kos Perbelanjaan Perubatan Luar Negara, Perbelanjaan Pergigian dan/atau perbelanjaan tambahan yang mungkin dilindungi di bawah Manfaat lain dalam Sijil Insurans ini dilihat melebihi kos penghantaran pulang Anda ke Malaysia, sentiasa tertakluk kepada nasihat perubatan yang diberikan oleh Bantuan Chubb. Sekiranya Kami menghantar Anda pulang ke Malaysia, apa-apa tuntutan untuk meneruskan rawatan di Malaysia adalah tertakluk kepada terma dan jumlah Manfaat maksimum berkaitan yang ditetapkan di bawah Seksyen 4 - Perbelanjaan Perubatan Susulan di Malaysia. Kami juga mempunyai pilihan untuk memindahkan Anda ke Hospital terdekat di negara lain jika rawatan dan/atau kemudahan yang diperlukan tidak tersedia di kawasan terdekat.</p> <p>b) Untuk Perjalanan Domestik : Anda hendaklah mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan di mana-mana klinik atau Hospital berdaftar dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari waktu Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan Tubuh.</p> <p>Jika Anda berumur melebihi tujuh puluh (70) tahun, pada masa Anda mengalami Kecederaan Tubuh atau Penyakit, jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang perlu dibayar di bawah Seksyen ini adalah jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat bagi kategori umur Anda.</p>
Takrifan Tambahan	Negara Asal bermaksud mana-mana negara di mana Anda bertaraf warganegara atau penduduk tetap dan tidak termasuk Malaysia.
Apa Yang Akan Kami Bayar	<p>i) Untuk Perbelanjaan Perubatan, hanya rawatan perubatan, hospital, pembedahan yang perlu ditanggung disebabkan secara langsung oleh Kecederaan Tubuh atau Penyakit (untuk Perjalanan Luar Negara), atau Kecederaan Tubuh (untuk Perjalanan Domestik) yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Insurans. Rawatan tersebut mesti diberikan oleh Doktor.</p> <p>ii) Untuk Perbelanjaan Pergigian, hanya rawatan pergigian kecemasan yang disebabkan secara langsung oleh Kecederaan Tubuh pada gigi semula jadi yang sihat, yang berlaku semasa Tempoh Insurans. Rawatan itu mesti diberikan oleh Doktor Gigi. Syarat ini hanya digunapakai apabila Anda berada di Luar Negara.</p>
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Umum, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan Kami tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh mana-mana yang berikut:

Apa Yang Tidak Dilindungi

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Umum, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan Kami tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh mana-mana yang berikut:

1. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung untuk prostesis, kanta lekap, cermin mata, alat bantu pendengaran, gigi palsu atau peralatan perubatan.
2. Apa-apa perbelanjaan yang berkaitan dengan apa-apa rawatan yang bukan dipreskripsikan oleh Doktor atau Doktor Gigi (mengikut mana-mana yang berkenaan).
3. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan rawatan tradisional atau rawatan oleh Pengamal Perubatan Tradisional.

Untuk Perjalanan Luar Negara:

- i) Apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan apa-apa rawatan untuk Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang mana rawatan telah dicari dan/atau diterima lebih dari enam puluh (60) hari dari masa Kecederaan Tubuh atau Penyakit mula dialami.
- ii) Rawatan pembedahan atau perubatan yang pada pendapat Doktor Perubatan atau Doktor Gigi (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang merawat Anda, boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga Anda pulang ke Malaysia.
- iii) Apa-apa perbelanjaan lanjut yang ditanggung oleh Anda jika Kami ingin menghantar Anda pulang ke Malaysia tetapi Anda menolaknya (yang mana pada pendapat Doktor atau Doktor Gigi yang merawat Anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan Bantuan Chubb, Anda dianggap sihat untuk mengikuti perjalanan).
- iv) Apa-apa rawatan yang diperolehi di Negara Asal Anda, kecuali disediakan secara khusus di bawah Polisi Utama ini.
- v) Apa-apa Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang dialami sebelum Perjalanan Anda bermula.

Untuk Perjalanan Domestik:

- i) Apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan apa-apa rawatan untuk Kecederaan Tubuh yang mana rawatan telah dicari dan/atau diterima selepas dua puluh empat (24) jam dari masa Kecederaan Tubuh mula dialami.
- ii) Rawatan pembedahan atau perubatan yang pada pendapat Doktor atau Doktor Gigi (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang merawat Anda, boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga Anda pulang ke Rumah Anda.
- iii) Apa-apa perbelanjaan lanjut yang ditanggung oleh Anda jika Kami ingin menghantar Anda pulang ke Malaysia tetapi Anda enggan (yang mana pada pendapat Doktor atau Doktor Gigi yang merawat Anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan Bantuan Chubb, Anda dianggap sihat untuk mengikuti perjalanan).
- iv) Apa-apa rawatan yang diperolehi di Negara Asal Anda, kecuali disediakan secara khusus di bawah Polisi Utama ini.
- v) Apa-apa Kecederaan Tubuh yang dialami sebelum Perjalanan Anda bermula.

**Seksyen 4 – Perbelanjaan Perubatan Susulan di Malaysia
(digunakan untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)**

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan Pergi Balik Luar Negara, Anda mengalami Kecederaan Tubuh atau Penyakit:</p> <p>a) yang menyebabkan tuntutan sah untuk Perbelanjaan Perubatan atau Perbelanjaan Pergigian di bawah Seksyen 3, dan perlu menanggung Perbelanjaan Perubatan atau Perbelanjaan Pergigian yang ditetapkan oleh Doktor di Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berakhirnya Perjalanan Pergi Balik akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit;</p> <p>b) yang mana Anda tidak mendapatkan rawatan perubatan semasa di Luar Negara, tetapi yang perlu Anda tanggung Perbelanjaan Perubatan atau Perbelanjaan Pergigian yang ditetapkan oleh Doktor di Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berakhirnya Perjalanan Pergi Balik akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit, dan selanjutnya dengan syarat bahawa Anda pertama kali mendapatkan rawatan perubatan oleh Doktor di Malaysia akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit dalam masa 24 jam selepas berakhirnya Perjalanan Pergi Balik Luar Negara; dan lebih RM50.00 akan ditolak untuk setiap satu bil, resit dan invoice perubatan.</p>
<p>Syarat-syarat Tambahan</p>	<p>Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pengembalian wang atau bayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tersebut daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat apa-apa insurans lain untuk peristiwa yang dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperolehi daripada sumber atau insurans lain itu.</p> <p>Jika Anda berumur melebihi tujuh puluh (70) tahun, pada masa Anda mengalami Kecederaan Tubuh atau Penyakit, jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang perlu dibayar di bawah Seksyen ini adalah jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Umum, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan Kami tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apa-apa perbelanjaan yang berkaitan dengan apa-apa rawatan untuk Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang mana rawatan sedemikian telah dicari dan/atau diterima lebih dari tiga puluh (30) hari dari masa Anda pulang ke Malaysia. 2. Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan untuk prostesis, kanta lekup, cermin mata, alat bantu pendengaran, gigi palsu atau peralatan perubatan. 3. Apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan apa-apa rawatan yang bukan dipreskripsikan oleh Doktor. 4. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan rawatan tradisional atau rawatan oleh Pengamal Perubatan Tradisional.

Seksyen 5 - Rawatan Alternatif (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan Pergi Balik Luar Negara, Anda telah mendapatkan rawatan daripada Pakar Perubatan Tradisional akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit, Anda boleh terus mendapatkan rawatan daripada Pakar Perubatan Tradisional di Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh anda pulang ke Malaysia untuk Kecederaan Tubuh atau Penyakit.
Syarat-syarat Tambahan	Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pengembalian wang atau bayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tersebut daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat apa-apa insurans lain untuk peristiwa yang dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperolehi daripada sumber atau insurans lain itu.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar balik kepada Anda, perbelanjaan Rawatan Alternatif yang Anda tanggung untuk rawatan sedemikian daripada Pakar Perubatan Tradisional sehingga jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh : 1. Apa-apa rawatan untuk Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang mana rawatan sedemikian telah dicari dan/atau diterima lebih dari enam puluh (60) hari dari masa Kecederaan Tubuh atau Penyakit pertama kali dialami.

Seksyen 6 - Pendapatan Harian Hospital

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami: a) Untuk Perjalanan Luar Negara: Kecederaan Tubuh atau Penyakit dan dikurung di Hospital Luar Negara akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit. b Untuk Perjalanan Domestik: Kecederaan Tubuh dan dikurung di Hospital di Destinasi di dalam Malaysia akibat secara langsung daripada Kecederaan Tubuh.
Syarat-syarat Tambahan	i) Pengurangan mesti berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan Tubuh atau Penyakit yang berkaitan (untuk Perjalanan Luar Negara) atau Kecederaan Tubuh sahaja (untuk Perjalanan Domestik) yang pertama kali dialami; dan ii) Pengurangan mesti dianggap perlu dari segi perubatan oleh Doktor dalam kapasiti profesionalnya.

	<p>a) Untuk Perjalanan Luar Negara: Sekiranya anda berumur melebihi enam puluh lima (65) tahun, tetapi tidak melebihi lapan puluh (80) tahun pada masa permulaan Pengurangan tersebut, jumlah Manfaat harian yang perlu dibayar adalah terhad kepada RM100 untuk setiap hari lengkap Pengurangan sehingga bilangan hari maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.</p> <p>b) Untuk Perjalanan Domestik: Sekiranya anda berumur melebihi enam puluh lima (65) tahun, tetapi tidak melebihi lapan puluh (80) tahun pada masa permulaan Pengurangan tersebut, jumlah Manfaat harian yang perlu dibayar adalah terhad kepada RM50 untuk setiap hari lengkap Pengurangan sehingga bilangan hari maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	Jumlah Manfaat harian yang akan dibayar untuk setiap hari lengkap (24 jam) Pengurangan dari hari pertama (1) Pengurangan dan sehingga jumlah Manfaat maksimum berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Umum, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan Kami tidak akan, dalam apa jua keadaan bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <p>1. Untuk Perjalanan Luar Negara</p> <p>a) Apa-apa Pengurangan di Malaysia.</p> <p>b) Apa-apa Pengurangan untuk apa-apa pembedahan atau rawatan perubatan, yang pada pendapat seorang Doktor, sewajarnya telah ditangguhkan sehingga Anda kembali ke Malaysia.</p> <p>c) Tiada Manfaat yang akan dibayar jika Pengurangan tersebut tidak dilindungi di bawah Seksyen 3 – Perbelanjaan Perubatan.</p> <p>2. Untuk Perjalanan Domestik:</p> <p>a) Tiada Manfaat yang akan dibayar jika Pengurangan tersebut tidak dilindungi di bawah Seksyen 3 – Perbelanjaan Perubatan.</p>

Seksyen 7 - Lawatan Ihsan

Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami:</p> <p>a) Untuk Perjalanan Luar Negara:</p> <p>i) Kecelakaan Tubuh atau Penyakit yang mengakibatkan Kematian dan tiada orang dewasa bersama dengan Anda; atau</p> <p>ii) Kecelakaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius dan ia disahkan oleh Doktor yang merawat bahawa adalah tidak sesuai untuk memindahkan Anda ke lokasi lain atau menghantar Anda pulang ke Malaysia untuk rawatan perubatan dan tiada orang dewasa bersama dengan Anda.</p> <p>b) Untuk Perjalanan Domestik:</p> <p>i) Kecelakaan Tubuh yang mengakibatkan Kematian, dan Manfaat perlu dibayar di bawah Seksyen 1</p> <p>- Kemalangan Peribadi dan tiada orang dewasa bersama dengan Anda.</p>
Syarat-syarat Tambahan	Anda hanya boleh membuat tuntutan di bawah sama ada (i) disebabkan Kematian atau (ii) disebabkan Kecelakaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius, untuk mana-mana satu (1) peristiwa, tertakluk kepada jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar ganti rugi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) untuk Kecelakaan Tubuh atau Penyakit yang mengakibatkan Kematian: perbelanjaan perjalanan (tiket perjalanan pergi balik ekonomi) dan perbelanjaan penginapan bilik biasa di mana-mana hotel yang munasabah di luar Malaysia (atau di dalam Malaysia untuk Perjalanan Domestik), perlu ditanggung untuk seorang (1) Ahli Keluarga, Teman Perjalanan, saudara atau rakan untuk membantu dalam pengaturan akhir Kematian Anda, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini. ii) untuk Kecelakaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius: perbelanjaan perjalanan (tiket perjalanan pergi balik ekonomi) dan perbelanjaan penginapan bilik biasa di mana-mana hotel yang munasabah di luar Malaysia, perlu ditanggung untuk seorang (1) Ahli Keluarga, Teman Perjalanan, saudara atau rakan untuk mengikuti Perjalanan dan tinggal bersama dengan Anda dan menjaga Anda sehingga Anda keluar dari Hospital, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Manfaat ini tidak melindungi apa-apa perbelanjaan sampingan dan/atau caj lain yang ditanggung oleh Ahli Keluarga, saudara atau rakan Anda, seperti tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, naik taraf, minuman, makanan dan perkhidmatan bilik pilihan/tambahan yang lain.</p>

Seksyen 8 - Penjagaan Anak

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami:</p> <p>Kecelakaan Tubuh atau Penyakit dan Dikurung di Hospital yang disebabkan secara langsung daripada Kecelakaan Tubuh atau Penyakit dan tiada orang dewasa lain untuk menemani Anak(-anak) Anda yang ditanggung di bawah Polisi Utama ini dalam perjalanan mereka untuk pulang ke rumah (untuk Perjalanan Luar Negara). (Untuk Perjalanan Domestik, ia digunapakai untuk Kecelakaan Tubuh sahaja).</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar ganti rugi:</p> <p>Perbelanjaan perjalanan (tiket perjalanan pergi balik ekonomi) dan perbelanjaan penginapan bilik biasa di mana-mana hotel yang munasabah di luar Malaysia (atau di dalam Malaysia untuk Perjalanan Domestik), perlu ditanggung untuk seorang (1) Ahli Keluarga, saudara atau rakan untuk mengikuti perjalanan dan menemani Anak(-anak) Anda pulang ke Malaysia, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Manfaat ini tidak melindungi apa-apa perbelanjaan sampingan dan/atau caj lain yang ditanggung oleh Ahli Keluarga, saudara atau rakan Anda, seperti tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, naik taraf, minuman, makanan dan perkhidmatan bilik pilihan/tambahan yang lain.</p>

Seksyen 9 - Pemindahan Perubatan & Penghantaran Pulang Kecemasan

Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans dan semasa Anda dalam Perjalanan, mengalami Keadaan Perubatan Kritikal (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan pada pendapat Bantuan Chubb, atau wakil Bantuan Chubb yang sah, adalah dianggap sesuai untuk memindahkan Anda ke lokasi lain untuk rawatan perubatan, atau menghantar Anda pulang ke Malaysia (atau ke Rumah Anda untuk Perjalanan Domestik), Bantuan Chubb atau wakilnya yang sah, akan menguruskan pemindahan dengan menggunakan cara yang paling sesuai untuk berbuat demikian berdasarkan tahap kritikal keadaan perubatan Anda.</p>
Syarat-syarat Tambahan	<ol style="list-style-type: none">a) Bantuan Chubb mesti dimaklumkan dengan segera tentang apa-apa tuntutan yang berpotensi untuk Perbelanjaan Pemindahan Perubatan.b) Anda tidak boleh mencuba untuk memberikan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi tanpa melibatkan Bantuan Chubb. Tindakan sedemikian akan menjejaskan semua tuntutan untuk Perbelanjaan Pemindahan Perubatan.c) Penghantaran Pulang akan diatur oleh Bantuan Chubb dengan kaedah yang paling sesuai seperti yang ditentukan oleh Bantuan Chubb mengikut budi bicara mutlak termasuk, jika perlu, penggunaan perkhidmatan udara.d) Sekiranya perkhidmatan Bantuan Chubb disediakan di bawah Polisi Utama ini kepada mana-mana orang yang tidak ditanggung di bawah Polisi Utama atau situasi yang tidak dilindungi oleh Polisi Utama ini atas permintaan Anda, Anda dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bantuan Chubb secara langsung untuk semua kos yang ditanggung untuk perkhidmatan tersebut.e) Sekiranya perkhidmatan Bantuan Chubb disediakan, Kami berhak untuk mendapatkan semula daripada Anda nilai bayaran balik yang berkaitan dengan apa-apa tiket penerbangan atau tiket lain yang asalnya dibeli untuk Perjalanan ke Hospital di mana rawatan dan kemudahan perubatan yang sesuai disediakan. Anda hendaklah memberikan bantuan kepada Kami dalam mendapatkan semula apa-apa bayaran balik daripada syarikat penerbangan yang berkenaan. Hasil bayaran balik itu akan menjadi milik Kami.f) Anda dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bantuan Chubb secara langsung untuk apa-apa Perbelanjaan Pemindahan Perubatan yang ditanggung oleh Anda yang melebihi Manfaat yang berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.g) Anda mesti mematuhi sepenuhnya keputusan yang dibuat oleh Bantuan Chubb. Kegagalan untuk mematuhi sepenuhnya menyebabkan Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi Kami sepenuhnya sekiranya Kami bertanggungjawab untuk membayar kepada Bantuan Chubb untuk mana-mana perkhidmatan yang disebut di bawah klausa d) dan/atauh) di atas dan/atau apa-apa perkhidmatan lain yang tidak dilindungi di bawah Polisi Utama ini.

<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Keadaan Perubatan Kritikal bermaksud keadaan perubatan yang dialami oleh Anda akibat Kecederaan Tubuh atau Penyakit, yang dikenalpasti akan mengancam nyawa oleh Doktor yang dilantik oleh Bantuan Chubb mengikut budi bicara mutlak Doktor tersebut.</p> <p>Perbelanjaan Pemindahan Perubatan bermaksud semua perbelanjaan yang ditanggung untuk penghantaran pulang Anda yang mengalami Keadaan Perubatan Kritikal ke Hospital terdekat di mana rawatan dan kemudahan perubatan yang sesuai disediakan atau ke Rumah Anda, termasuk perbelanjaan yang diperlukan untuk kakitangan perubatan yang berkelayakan untuk menemani Anda (seperti yang dianggap perlu oleh Bantuan Chubb mengikut budi bicara mutlaknya), dengan syarat bahawa penghantaran pulang tersebut adalah:</p> <p>i) disahkan oleh Doktor sebagai perlu dari segi perubatan, dan</p> <p>ii) diatur oleh Bantuan Chubb.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar secara langsung kepada Bantuan Chubb, Perbelanjaan Dilindungi untuk pemindahan tersebut, sehingga jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Jika disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan anda, Anda tidak dapat memaklumkan kepada Bantuan Chubb, dan walaupun membuat pengaturan untuk pemindahan Anda sendiri, Kami akan, jika berpuas hati bahawa pengaturan itu sesuai dari segi perubatan dengan mengambil kira Keadaan Perubatan Kritikal Anda (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen ini) pada masa itu, menanggung rugi Anda berkenaan dengan perbelanjaan yang ditanggung, sehingga jumlah yang akan dibayar kepada Bantuan Chubb untuk perkhidmatan yang diberikan di bawah keadaan yang sama, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini dan dalam apa jua keadaan, tidak melebihi jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Kaedah pemindahan yang diatur oleh Bantuan Chubb, atau wakilnya yang sah, mungkin termasuk ambulans udara, ambulans laut, pengangkutan biasa, kereta api atau apa-apa kaedah lain yang sesuai. Semua keputusan mengenai kaedah pengangkutan dan destinasi terakhir akan dibuat oleh Bantuan Chubb, atau wakilnya yang sah, dan akan berdasarkan secara mutlak kepada keperluan perubatan.</p>

Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung untuk perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain yang mana Anda tidak bertanggungjawab untuk membayarnya, atau apa-apa perbelanjaan yang sudah termasuk dalam kos perjalanan yang dijadualkan atau Perjalanan. 2. Apa-apa perbelanjaan untuk suatu perkhidmatan yang tidak diluluskan dan diatur oleh Bantuan Chubb atau wakilnya yang sah, kecuali sepertimana yang disebut dalam perenggan 2 klausa di atas. 3. Apa-apa rawatan yang dilakukan atau diarahkan oleh seseorang yang bukan Doktor. 4. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung jika Anda tidak mengalami Keadaan Perubatan Kritikal (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen ini) atau jika rawatan yang boleh ditangguhkan dengan munasabah sehingga Anda pulang ke Rumah Anda (sepertimana yang berkaitan). <p>Pengecualian Tambahan untuk Perjalanan Domestik:</p> <p>(i) Apa-apa perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada apa-apa perlindungan insurans lain yang Anda layak.</p> <p>(ii) Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung selepas tiga puluh (30) hari dari masa Kemalangan. Pengecualian ini tidak digunapakai jika perbelanjaan pertama ditanggung dalam masa tiga puluh (30) hari pertama dari tarikh Kecederaan Tubuh.</p> <p>(iii) Apa-apa perbelanjaan tanpa tuntutan yang sah di bawah Seksyen 2 - Perbelanjaan Perubatan.</p>
----------------------------------	--

Seksyen 10 - Penghantaran Pulang Jenazah	
Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami Keadaan Perubatan Kritikal (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 5 di atas), dan meninggal dunia akibat daripada Keadaan Perubatan Kritikal, Bantuan Chubb, atau wakilnya yang sah akan membuat aturan yang diperlukan untuk menghantar jenazah Anda pulang ke Malaysia (atau ke Rumah Anda untuk Perjalanan Domestik).</p>
Takrifan Tambahan	<p>Perbelanjaan Dilindungi bermaksud perbelanjaan untuk perkhidmatan yang disediakan dan/atau diatur oleh Bantuan Chubb untuk pengangkutan, perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan yang perlu ditanggung daripada penghantaran pulang jenazah Anda.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	<p>Kami akan membayar secara langsung kepada Bantuan Chubb, Perbelanjaan Dilindungi untuk penghantaran pulang tersebut, sehingga jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini. Kami juga akan membayar balik kepada harta pusaka Anda, perbelanjaan yang sebenarnya ditanggung untuk perkhidmatan dan bekalan oleh seorang pengurus mayat, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos keranda, pengawetan dan pembakaran mayat jika terpilih. Semua pembayaran yang dibuat oleh Kami tidak akan melebihi jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>

Apa Yang Tidak Dilindungi

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:

1. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung untuk perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain yang mana Anda tidak bertanggungjawab untuk membayarnya, atau apa-apa perbelanjaan yang sudah termasuk dalam kos perjalanan yang dijadualkan atau Perjalanan.
2. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung untuk pengangkutan jenazah Anda yang tidak diluluskan dan diatur oleh Bantuan Chubb atau wakilnya yang sah.

Seksyen 11 - Pembatalan Perjalanan

Apa Yang Dilindungi

Jika, Anda terpaksa membatalkan atau menangguhkan Perjalanan Luar Negara akibat secara langsung dan perlu dari mana-mana Sebab-sebab Khusus yang dinyatakan dalam tempoh enam puluh (60) hari kerana peristiwa (b), dalam masa tiga puluh (30) hari kerana peristiwa (c) dan (d), dan dalam tempoh empat belas (14) hari kerana peristiwa (e) hingga (h) sebelum Tarikh Perlepasan yang dijadualkan, dan mesti disertakan dengan nasihat perjalanan, bukti yang diperlukan atau laporan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Perlindungan ini hanya berkuatkuasa jika Polisi ini dibeli sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan gangguan Perjalanan Anda.

Sebab-sebab Khusus:

- a) Kematian Anda;
- b) Anda mengalami Kecederaan Tubuh atau sakit (digunapakai untuk Perjalanan Luar Negara sahaja), yang menurut pendapat seorang Doktor, menyebabkan Anda tidak sihat untuk mengikut perjalanan pada Tarikh Perlepasan yang Dijadualkan;
- c) Kematian Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda sebelum Tarikh Perlepasan yang Dijadualkan;
- d) Kecederaan Tubuh atau sakit (digunapakai untuk Perjalanan Luar Negara sahaja) Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda yang memerlukan mereka dikurung di Hospital;
- e) Anda atau Teman Perjalanan Anda sedang atau dikehendaki berada dalam kuarantin wajib, atau perkhidmatan hakim, atau disepina atau dirampas;
- f) Pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Umum yang Dijadualkan berikutan Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam yang berlaku di luar kawalan Anda di Destinasi yang dirancang;
- g) Tempat tinggal Anda di Malaysia tidak dapat didiami berikutan kebakaran, ribut atau banjir yang berlaku dan kehadiran Anda diperlukan di premis pada Tarikh Perlepasan yang Dijadualkan;
- h) disebabkan oleh Bencana Alam di negara Destinasi yang menghalang Anda daripada memulakan Perjalanan.

Untuk Perjalanan Domestik, jika Anda terpaksa membatalkan Perjalanan Anda akibat secara langsung dan perlu dari mana-mana Sebab-sebab Khusus yang dinyatakan di atas, peristiwa tersebut mesti berlaku dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Tarikh Perlepasan yang Dijadualkan.

<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Perbelanjaan Pembatalan bermaksud kerugian deposit, atau caj bayaran pendahuluan untuk perjalanan atau penginapan atau caj lain yang tidak digunakan atau tidak akan digunakan, tetapi terbatal atau boleh dibayar di bawah kontrak.</p> <p>Perbelanjaan Penangguhan bermaksud caj pentadbiran yang ditanggung untuk menanggungkan Perjalanan Anda:</p> <p>i) yang mana pembayaran penuh telah dibuat oleh Anda;</p> <p>ii) yang mana Anda bertanggungjawab di sisi undang-undang ke atasnya; dan</p> <p>iii) yang tidak boleh diperolehi semula dari mana-mana sumber lain.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda berkenaan dengan Perbelanjaan Pembatalan atau Perbelanjaan Penangguhan sehingga jumlah Manfaat berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada untuk Perbelanjaan Pembatalan atau Perbelanjaan Penangguhan sahaja, untuk mana-mana satu peristiwa.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perubahan rancangan oleh Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda untuk apa-apa sebab; 2. Keadaan Kewangan Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda; 3. Kewajipan perniagaan, kewangan atau kontrak Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda; 4. Keingkaran Kewangan oleh orang, agensi, syarikat penerbangan atau pengendali pelancongan yang membuat aturan perjalanan dengan Anda; 5. Apa-apa kerugian yang dilindungi oleh skim insurans sedia ada yang lain, program kerajaan atau yang akan dibayar atau dibayar balik oleh hotel, pengangkutan atau ejen perjalanan atau mana-mana penyedia perjalanan dan/atau tempat penginapan lain; 6. Apa-apa peraturan, tindakan atau larangan kerajaan; 7. Pembatalan yang disebabkan oleh Pengangkutan kecuali disebabkan oleh perkara yang dinyatakan di bawah Sebab-sebab Khusus (f) di atas; 8. Aturan perjalanan dibatalkan oleh syarikat penerbangan, syarikat pelayaran atau pengendali pelancongan kecuali pembatalan disebabkan oleh perkara yang dinyatakan di bawah Seksyen 11 (f) di atas. 9. Satu peristiwa atau keadaan yang berlaku sebelum tarikh Sijil Insurans ini dikeluarkan atau tarikh pembelian atau aturan dibuat untuk Perjalanan. 10. Kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, ketinggalan atau kegagalan) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada Perjalanan yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan yang menguruskan Perjalanan yang ditempah itu. 11. Anda, yang mana Perjalanan itu bergantung kepada, terlibat dalam apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah, kecuali kehadiran Anda di mahkamah dalam prosiding jenayah sedemikian di mahkamah undang-undang

<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>12. Kegagalan Anda untuk memaklumkan kepada ejen/pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penginapan sebaik sahaja mendapati bahawa adalah perlu untuk membatalkan aturan perjalanan tersebut.</p> <p>13. Apa-apa kerugian atau pampasan untuk mana-mana perjalanan udara, mata ganjaran penerbangan kerap, atau mata ganjaran percutian yang Anda perolehi atau digunakan untuk membayar kos Perjalanan sebahagian atau sepenuhnya.</p> <p>14. Ketidakupayaan membayar hutang oleh syarikat penerbangan dan ejen perjalanan.</p>
---	--

Seksyen 12 - Pemendekan Perjalanan

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, Anda terpaksa memendekkan mana-mana bahagian Perjalanan Anda akibat secara langsung dan perlu dari mana-mana Sebab Khusus berikut yang berlaku selepas Anda memulakan Perjalanan.</p> <p>Perlindungan ini hanya berkuatkuasa jika Polisi ini dibeli sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan gangguan Perjalanan Anda.</p> <p>Sebab-sebab Khusus :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Anda mengalami Kecederaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius (digunapakai untuk Perjalanan Luar Negara sahaja) dan selepas mendapatkan nasihat perubatan semasa Perjalanan Anda. Sijil perubatan mesti diperolehi daripada Doktor yang merawat Anda, menasihatkan Anda untuk pulang ke Malaysia disebabkan Kecederaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius; b) Kematian yang tidak dijangka, Kecederaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius (digunapakai untuk Perjalanan Luar Negara sahaja) Ahli Keluarga, atau Teman Perjalanan; c) Kematian Ahli Keluarga yang tidak dijangka yang tinggal di Malaysia; d) Kecederaan Tubuh Serius atau Penyakit Serius yang tidak dijangka (digunapakai untuk Perjalanan Luar Negara sahaja) Ahli Keluarga di Malaysia yang memerlukan Pengurangan Hospital selama lebih dari lima (5) hari berturut-turut; e) Rampasan pesawat di mana Anda berada di dalam pesawat sebagai penumpang; f) Bencana Alam yang menghalang Anda daripada meneruskan Perjalanan yang dijadualkan; g) Tempat tinggal Anda di Malaysia tidak dapat didiami berikutan kebakaran, ribut atau banjir yang berlaku dan kehadiran Anda diperlukan di premis; atau h) Tercetusnya Mogok, Rusuhan, atau Kekecohan Awam yang tidak dijangka berlaku semasa Perjalanan yang dijadualkan, di luar kawalan Anda di Destinasi yang dirancang yang akan mengancam nyawa Anda.
<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Pemendekan atau Memendekkan bermaksud menjadikan Perjalanan lebih pendek dengan pulang lebih awal ke Malaysia selepas tiba di Destinasi Luar Negara yang ditempah seperti yang dinyatakan pada invoice atau tiket tempahan.</p> <p>Perbelanjaan Pemendekan bermaksud:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) kehilangan deposit, bayaran pendahuluan untuk penginapan atau caj-caj lain (tidak termasuk kos tiket asal perjalanan pulang ke Malaysia), yang tidak pernah dan tidak akan digunakan tetapi terbatal atau dibayar di bawah kontrak; ii) apa-apa perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung, dan tiket asal perjalanan boleh diubah; atau iii) perbelanjaan perjalanan tambahan (terhad untuk tambang kelas ekonomi) jika tiket asal perjalanan boleh diubah seperti yang disahkan oleh syarikat pengangkutan/pengendali perjalanan dan perbelanjaan penginapan munasabah yang disebabkan oleh sebab-sebab yang dinyatakan di atas.

<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda berkenaan dengan Perbelanjaan Pemendekan yang ditanggung sehingga jumlah Manfaat berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Jika Perbelanjaan Pemendekan yang dituntut berkaitan dengan tiket perjalanan, bayaran balik yang diberikan hanyalah bahagian yang tidak digunakan dalam tiket perjalanan.</p> <p>Untuk rampasan, pulangan berkadar kos prabayar yang tidak dapat diperolehi semula akan dikira dari tarikh rampasan berlaku sehingga tamat tempoh Perjalanan yang dirancang atau perlindungan Polisi Utama, yang mana lebih awal.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p>
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perubahan rancangan oleh Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda untuk apa-apa sebab; 2. Keadaan Kewangan Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda; 3. Kewajipan perniagaan, kewangan atau kontrak Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda; 4. Keingkaran Kewangan oleh orang, agensi, syarikat penerbangan atau pengendali pelancongan yang membuat aturan perjalanan dengan Anda; 5. Apa-apa kerugian yang dilindungi oleh skim insurans sedia ada yang lain, program kerajaan atau yang akan dibayar atau dibayar balik oleh hotel, pengangkutan atau ejen perjalanan atau mana-mana penyedia perjalanan dan/atau tempat penginapan lain; 6. Apa-apa peraturan, tindakan atau larangan kerajaan; 7. Satu peristiwa atau keadaan yang berlaku sebelum tarikh Sijil Insurans ini dikeluarkan atau tarikh pembelian atau aturan dibuat untuk Perjalanan. 8. Kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, ketinggalan atau kegagalan) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada Perjalanan yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan yang menguruskan Perjalanan yang ditempah itu. 9. Anda, yang mana Perjalanan tersebut bergantung kepada, terlibat dalam apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah, kecuali kehadiran Anda di mahkamah untuk prosiding jenayah tersebut di mahkamah undang-undang diperlukan di bawah sepina. 10. Kegagalan Anda untuk memaklumkan kepada ejen/pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penyedia penginapan dengan segera selepas menyedari bahawa adalah perlu untuk membatalkan aturan perjalanan tersebut. 11. Apa-apa kerugian atau pampasan untuk mana-mana perjalanan udara, mata ganjaran penerbangan kerap, atau mata ganjaran percutian yang Anda perolehi atau digunakan untuk membayar kos Perjalanan sebahagian atau sepenuhnya.

Seksyen 13 - Gangguan Perjalanan (digunakan untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	<p>Jika dalam Tempoh Insurans, Perjalanan Anda terganggu akibat secara langsung dan perlu dari mana-mana Sebab-sebab Khusus berikut yang berlaku selepas Anda memulakan Perjalanan.</p> <p>Perlindungan ini hanya berkuatkuasa jika Polisi ini dibeli sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan gangguan Perjalanan yang telah dirancang itu.</p> <p>Sebab-sebab Khusus :</p> <ul style="list-style-type: none">a) Bencana Alam;b) Wabak atau wabak besar sepertimana diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO);c) Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam yang menyebabkan pembatalan Perkhidmatan Pengangkutan Umum yang dijadualkan atau dengan amaran kerajaan berkaitan yang melarang perjalanan tidak penting;d) Kemalangan industri utama;e) Apa-apa peristiwa yang membawa penutupan kepada ruang udara atau beberapa lapangan terbang.
Takrifan Tambahan	<p>Terganggu bermaksud gangguan Perjalanan dengan melangkau sebahagian daripada Perjalanan Luar Negara yang dirancang, seperti dinyatakan dalam jadual perjalanan.</p> <p>Perbelanjaan Gangguan bermaksud kerugian bayaran pendahuluan untuk penginapan, Tiket Hiburan atau lawatan yang dirancang di Destinasi Luar Negara, yang belum dan tidak akan digunakan tetapi terbatal atau dibayar di bawah kontrak. Tiket Hiburan bermaksud tiket yang membolehkan kemasukan ke taman tema, muzikal, lakonan, persembahan panggung atau drama, konsert dan acara sukan.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda berkenaan dengan Perbelanjaan Gangguan yang ditanggung sehingga jumlah Manfaat berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh :

Apa Yang Tidak Dilindungi

1. Perubahan rancangan oleh Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda untuk apa-apa sebab;
2. Keadaan Kewangan Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda;
3. Kewajipan perniagaan, kewangan atau kontrak Anda atau Ahli Keluarga atau Teman Perjalanan Anda;
4. Keingkaran Kewangan oleh orang, agensi, syarikat penerbangan atau pengendali pelancongan yang membuat aturan perjalanan dengan Anda;
5. Apa-apa kerugian yang dilindungi oleh skim insurans sedia ada yang lain, program kerajaan atau yang akan dibayar atau dibayar balik oleh hotel, pengangkutan atau ejen perjalanan atau mana-mana penyedia perjalanan dan/atau tempat penginapan lain;
6. Apa-apa peraturan, tindakan atau larangan kerajaan;
7. Satu peristiwa atau keadaan yang berlaku sebelum tarikh Sijil Insurans ini dikeluarkan atau tarikh pembelian atau aturan dibuat untuk Perjalanan.
8. Kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, ketinggalan atau kegagalan) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada Perjalanan yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan yang menguruskan Perjalanan yang ditempah itu.
9. Anda yang mana Perjalanan tersebut bergantung kepada Anda, terlibat dalam apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah, kecuali kehadiran Anda di mahkamah untuk prosiding jenayah tersebut di mahkamah undang-undang diperlukan di bawah sepina.
10. Kegagalan Anda untuk memaklumkan kepada ejen/pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penyedia penginapan dengan segera selepas menyedari bahawa adalah perlu untuk membatalkan aturan perjalanan tersebut.
11. Apa-apa kerugian atau pampasan untuk mana-mana perjalanan udara, mata ganjaran penerbangan kerap, atau mata ganjaran percutian yang Anda perolehi atau digunakan untuk membayar kos Perjalanan sebahagian atau sepenuhnya.

Seksyen 14 - Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi dan Bagasi

Apa Yang Dilindungi

Jika dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kerugian atau kerosakan yang mengakibatkan kehilangan penggunaan Barangan Peribadi Anda, Bagasi dan Wang yang disimpan sendiri disebabkan oleh rompakan, pecah masuk, kecurian atau dengan kekerasan, atau ancaman keganasan.

<p>Syarat-syarat Tambahan</p>	<p>a) Kerugian atau kerosakan mesti dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian atau kerosakan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian itu. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di bawah Seksyen ini mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang membuktikan kerugian atau kerosakan itu.</p> <p>b) Kerugian atau kerosakan setiap barang mesti disertakan dengan bukti pembelian seperti tetapi tidak terhad kepada resit, penyata bank atau penyata kad kredit. Jika tiada bukti pembelian dikemukakan, Kami mungkin menolak tuntutan tersebut atau menerimanya pada nilai yang dikurangkan.</p> <p>c) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebihan jumlah yang boleh diperoleh semula daripada sumber atau insurans lain tersebut.</p>
<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Barang Peribadi dan Bagasi bermaksud barang peribadi milik Anda, yang diambil oleh Anda dalam Perjalanan atau yang diperoleh oleh Anda dan dibawa oleh Anda secara langsung atau dipegang atau didaftar masuk sebagai bagasi bersama dalam Pengangkutan Umum semasa Perjalanan.</p> <p>Komputer Mudah Alih bermaksud komputer riba lengkap termasuk aksesori atau lampiran sebagai peralatan standard dengan komputer riba tersebut. Apa-apa komputer genggam, tablet (termasuk tetapi tidak terhad kepada iPad, tablet Samsung Galaxy) atau peranti yang serupa, dikecualikan daripada kategori ini.</p> <p>Wang bermaksud wang tunai, duit syiling, nota bank, wang pos atau kiriman wang atau cek kembara yang bertandatangan.</p> <p>Tempat Awam bermaksud mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam.</p> <p>Barang Kemas bermaksud objek seperti cincin, gelang, kerongsang, rantai, rantai tangan, subang dan loket yang dipakai pada tubuh sebagai perhiasan, yang mempunyai kemasan logam berharga termasuk tetapi tidak terhad kepada emas dan perak dengan batu permata atau batu separa berharga.</p>

Apa Yang Akan Kami Bayar

- a) Kami akan membayar balik kepada Anda berkenaan dengan kerugian atau kerosakan tersebut sehingga jumlah Manfaat berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
- b) Kami hanya akan membayar sehingga maksimum:
 - i) jumlah Manfaat yang ditetapkan untuk mana-mana satu barang atau sepasang atau satu set barang sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat;
 - ii) jumlah Manfaat yang ditetapkan untuk Komputer Mudah Alih sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja).
 - iii) Jumlah Manfaat yang ditetapkan untuk Wang Peribadi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja).
- c) Kami hanya membuat bayaran tertakluk kepada elaun haus dan lusuh, bukti pembelian dan susut nilai. Bayaran kehilangan penggunaan menyeluruh atau bayaran kos pembaikan ditentukan mengikut budi bicara mutlak Kami.
- d) Kami hanya akan membayar kerugian atau kerosakan bagasi Anda yang telah didaftar masuk dan ditandakan dengan nama Anda oleh Pengangkutan Umum atau penyedia perkhidmatan. Apa-apa tuntutan yang timbul disebabkan Anda kehilangan Bagasi Anda atau rosak semasa di dalam Pengangkutan Umum atau penyedia perkhidmatan, hendaklah dikemukakan kepada pihak Pengangkutan Umum atau penyedia perkhidmatan tersebut terlebih dahulu. Apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Seksyen ini mesti disertakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada Pengangkutan Umum atau penyedia perkhidmatan atau jika

Apa Yang Tidak Dilindungi

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:

1. kerugian atau kerosakan harta/bagasi yang disebabkan oleh haus dan lusuh, kemerosotan beransur-ansur, kemusnahan oleh rama-rama, vermin, keburukan sedia ada atau kerosakan yang dialami kerana apa-apa proses atau semasa sedang dikerjakan atau yang terhasil daripadanya;
2. kerugian atau kerosakan harta/bagasi yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal atau elektrik atau peralihan atau kemusnahan yang disebabkan oleh apa-apa proses yang dimulakan oleh Anda untuk membaiki, membersihkan atau mengubah harta/bagasi itu;
3. kerugian atau kerosakan harta/bagasi/wang yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada pemberontakan, penentangan, revolusi, perang saudara, rampasan kuasa atau tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan untuk menghalang, memerangi atau mempertahankan daripada kejadian, rampasan atau pemusnahan di bawah kuarantin atau peraturan kastam, rampasan kerana perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau risiko penyeludupan, atau pengangkutan atau perdagangan haram;
4. kerugian atau kerosakan harta/bagasi/wang daripada rampasan atau penahanan oleh kastam atau pegawai lain atau pihak berkuasa kerajaan;
5. kerugian atau kerosakan harta/bagasi/wang akibat kegagalan Anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan penjagaan yang munasabah dan berhati-hati untuk menjaga dan melindungi harta/bagasi/wang berkenaan;
6. kerugian atau kerosakan jam tangan dan Komputer Mudah Alih yang tidak dibawa sebagai bagasi yang dipegang dan disimpan di bawah pengawasan Anda;
7. kemusnahan atau kerosakan barang mudah pecah atau rapuh;
8. kehilangan data yang direkod pada pita, kad, cakera atau sebaliknya, termasuk kos menghasilkan semula data tersebut;
9. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi/wang yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan atau kerosakan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kehilangan atau kerosakan itu disedari;
10. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi/wang semasa di bawah jagaan syarikat penerbangan atau Pengangkutan Umum lain, kecuali jika dilaporkan dengan serta-merta mengenai penemuan dan dalam kes syarikat penerbangan, laporan ketidakteraturan harta diperoleh;
11. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi/wang yang diinsuranskan di bawah mana-mana polisi insurans lain, atau sebaliknya dibayar balik oleh Pengangkutan Umum atau mana-mana pihak ketiga lain;
12. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi kerana kecacatan bahan atau pembuatan;
13. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi/wang yang ditinggalkan tanpa pengawasan di Tempat Awam;
14. kehilangan atau kerosakan harta/bagasi/wang yang ditinggalkan tanpa pengawasan di mana-mana kenderaan bermotor (kecuali disimpan di dalam bonet atau ruang berkunci);
15. kehilangan misteri harta/bagasi/wang;
16. penurunan nilai mata wang atau kekurangan disebabkan oleh kesilapan atau ketinggalan semasa apa-apa transaksi melibatkan wang;
17. kehilangan wang pos atau cek kembara tidak segera dilaporkan kepada cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa yang mengeluarkan;
18. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh haiwan, serangga atau tikus;
19. calar atau kemik pada harta/bagasi.
20. kerugian atau kerosakan harta yang tidak menjejaskan kecergasan kegunaan atau tujuan atau fungsi harta tersebut.

	<p>Harta yang Tidak Dilindungi Kami tidak akan membayar untuk kerosakan disebabkan atau kerugian daripada mana- mana yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) haiwan, serangga, tikus; ii) kenderaan bermotor, pesawat, basikal dan lain-lain pengangkutan atau peralatan atau bahagian-bahagian yang berkaitan dengan pengangkutan tersebut; iii) anggota tubuh palsu, gigi palsu, alat bantu pendengaran, apa-apa jenis cermin mata, kanta lekap atau kanta kornea; iv) tiket; v) kupon, instrumen boleh niaga, surat ikatan, manuskrip, wang, setem, saham dan bon, wang pos atau kiriman wang, apa-apa sekuriti; vi) harta yang dihantar sebagai pengangkutan, atau dihantar sebelum Tarikh Perlepasan yang Dijadualkan; vii) kad, tetapi tidak terhad kepada kad kredit, kad tunai, kad pengenalan, viii) lesen memandu; ix) barang seludup; x) barang perniagaan atau sampel/prototaip atau apa-apa jenis peralatan atau apa-apa xi) produk/komponen yang bertujuan untuk perdagangan xii) peralatan sewa atau pajakan; xiii) apa-apa barang guna habis dan/atau mudah rosak; xiv) komputer (termasuk perisian dan aksesori) selain daripada xv) Komputer Mudah Alih; xvi) wang tunai atau kesetaraan tunai, nota bank, cip kasino, baucar; xvii) alat muzik, barang rumah, barangan antik, artifak, lukisan; xviii) objek seni, batu permata; xix) kerusi roda, kereta bayi/kanak-kanak; xx) Peralatan Golf (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 24B); xxi) Barang kemas dan jam tangan.
--	---

Seksyen 15 - Kehilangan atau Kerosakan Dokumen Perjalanan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)	
Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kehilangan atau kerosakan Dokumen Perjalanan Anda disebabkan oleh pecah masuk, rompakan, kecurian atau kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan.</p>
Syarat-syarat Tambahan	<p>Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan di luar negara yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian tersebut berlaku, dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian tersebut. Apa-apa tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang membuktikan kerugian tersebut.</p> <p>Anda mesti mengambil setiap langkah perlindungan yang boleh dilakukan untuk memastikan keselamatan Dokumen Perjalanan Anda.</p>
Takrifan Tambahan	<p>Dokumen Perjalanan bermaksud dokumen atau pengenalan yang diperlukan untuk Perjalanan Anda termasuk tetapi tidak terhad kepada lesen memandu, pasport, visa atau tiket perjalanan.</p>

<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda berkenaan dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> kos penggantian Dokumen Perjalanan tersebut semasa di Luar Negara; perbelanjaan tambahan dan munasabah yang ditanggung di Luar Negara untuk perbelanjaan penginapan bilik biasa di mana-mana hotel yang munasabah, yang menjadi perlu kerana Anda tidak dapat meneruskan Perjalanan Anda tanpa Dokumen Perjalanan yang hilang itu; perbelanjaan perjalanan tambahan, munasabah dan perlu yang ditanggung di tempat di Luar Negara di mana Dokumen Perjalanan Anda hilang; <p>sehingga jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Jika kehilangan Dokumen Perjalanan Anda yang dirujuk di atas adalah tiket perjalanan Anda, Kami hanya akan membayar balik kepada Anda berkenaan caj pentadbiran yang ditanggung untuk menggantikan tiket perjalanan yang hilang, sehingga RM500 (untuk Pelan Eksekutif Chubb) atau RM1,000 (untuk Pelan Pertama Chubb) (tidak berkenaan dengan Pelan Premium Chubb), dan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang tidak dapat dijelaskan, atau kehilangan atau kerosakan kerana rampasan atau tahanan kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain. Kehilangan atau kerosakan yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan atau kerosakan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kehilangan atau kerosakan itu disedari. Kehilangan atau kerosakan semasa di bawah jagaan syarikat penerbangan atau Pengangkutan Umum lain, kecuali jika dilaporkan dengan serta-merta mengenai penemuan dan dalam kes syarikat penerbangan, laporan ketidakteraturan harta diperoleh; Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh haiwan, serangga atau tikus.

Seksyen 16 - Kehilangan Wang Peribadi (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kehilangan Wang Peribadi yang disimpan sendiri disebabkan oleh pecah masuk, rompakan, kecurian atau kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan. Dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran berkenaan dengan apa-apa kehilangan Wang Peribadi jika Anda gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk keselamatan wang tersebut.</p>
-----------------------------------	--

<p>Syarat-syarat Tambahan</p>	<p>Kerugian mesti dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian itu berlaku, dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian. Apa-apa tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang membuktikan kerugian tersebut;</p> <p>Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian kerugian itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperoleh semula daripada sumber atau insurans lain tersebut.</p>
<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Wang Peribadi bermaksud syiling, wang tunai, nota bank, kiriman wang pos atau cek kembara yang dimiliki oleh Anda.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penurunan nilai mata wang atau kekurangan disebabkan oleh kesilapan atau ketinggalan semasa apa-apa transaksi yang melibatkan wang; 2. Apa-apa kerugian atau kerosakan yang tidak dapat dijelaskan, atau kerugian atau kerosakan kerana rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain; 3. Kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kehilangan itu. 4. Kehilangan wang pos atau cek kembara tidak segera dilaporkan kepada cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa yang mengeluarkan; 5. Kerugian atau kerosakan semasa di bawah jagaan syarikat penerbangan atau pengangkutan lain, kecuali jika dilaporkan dengan serta-merta mengenai penemuan dan dalam kes syarikat penerbangan, laporan ketidakteraturan harta diperoleh; 6. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh haiwan, serangga atau tikus.

Seksyen 17 - Penggunaan Kad Kredit Hilang yang Melibatkan Penipuan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kerugian kewangan akibat secara langsung daripada kad kredit, kad caj atau kad bank yang hilang atau dicuri dan seterusnya digunakan secara palsu oleh mana-mana orang selain Anda.</p>
-----------------------------------	--

<p>Syarat-syarat Tambahan</p>	<p>a) Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada syarikat kad dalam tempoh enam (6) jam selepas kejadian tersebut. Apa-apa tuntutan mesti disertakan dengan satu salinan laporan yang dikeluarkan oleh syarikat kad yang membuktikan kerugian tersebut;</p> <p>b) Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan di luar negara yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian tersebut berlaku, dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian tersebut. Apa-apa tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang membuktikan kerugian tersebut.</p> <p>c) Anda mesti mengambil setiap langkah perlindungan yang boleh dilakukan untuk memastikan keselamatan Dokumen Perjalanan Anda.</p> <p>d) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperolehi semula daripada sumber atau insurans lain tersebut.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga jumlah maksimum Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am</p>

Seksyen 18 - Kelewatan Bagasi

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, bagasi Anda yang didaftarkan masuk ditanggung oleh pengendali Pengangkutan Umum dan tidak dihantar kepada Anda dalam tempoh enam (6) jam dari ketibaan Anda di Destinasi Luar Negara yang dijadualkan atau di dalam Malaysia (untuk Perjalanan Domestik).</p> <p>Untuk Perjalanan Luar Negara, jika dalam Tempoh Insurans, selepas Anda kembali ke Malaysia untuk Perjalanan Pergi Balik, bagasi Anda yang didaftarkan masuk ditanggung oleh pengendali Pengangkutan Umum dan tidak dihantar kepada Anda dalam tempoh enam (6) jam selepas ketibaan Anda di Malaysia.</p>
-----------------------------------	--

Apa Yang Akan Kami Bayar

Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap enam (6) jam penuh berturut-turut yang ditangguhkan, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.

Untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara, sekiranya bagasi yang didaftar masuk tertunda dalam tempoh enam (6) jam selepas ketibaan Anda di Malaysia, Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.

Jumlah Manfaat untuk Perjalanan yang perlu dibayar di bawah Seksyen ini untuk setiap Orang Tertanggung (untuk kelewatan bagasi Luar Negara dan/atau di Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan) adalah sehingga jumlah Manfaat maksimum 'Luar Negara' atau 'di Malaysia' yang berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Jika Perlindungan Anda di bawah Pelan Keluarga, maka sebagai tambahan kepada jumlah Manfaat maksimum bagi setiap Orang Tertanggung, jumlah Manfaat untuk Perjalanan yang akan dibayar di bawah Seksyen ini untuk semua Orang Tertanggung di bawah Pelan Keluarga yang sama (untuk kelewatan bagasi Luar Negara dan/atau di Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah sehingga jumlah Manfaat maksimum 'Had Setiap Keluarga' yang berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Untuk mengelakkan keraguan, jumlah setiap enam (6) jam yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat di bawah Seksyen ini adalah berdasarkan setiap Orang yang Diinsuranskan dan bukan pada setiap bagasi.

Kelewatan itu mestilah disahkan secara bertulis oleh pengendali Pengangkutan Umum atau ejen pengendali mereka serta bilangan jam yang tertunda dan sebab penangguhannya.

Apa Yang Tidak Dilindungi

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:

1. Kelewatan bagasi tidak dilaporkan dengan segera kepada pengendali Pengangkutan Umum;
2. Kelewatan Bagasi yang mana Anda dan/atau orang lain telah menerima pampasan daripada pengendali Pengangkutan Umum yang dinaiki oleh Anda dan/atau mereka.
3. Untuk Perjalanan Domestik, kelewatan bagasi semasa Perjalanan Pulang ke Rumah Anda.

Apa Yang Dilindungi

Jika dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, bagasi Anda yang didaftarkan masuk ditangguhkan oleh pengendali Pengangkutan Umum dan tidak dihantar kepada Anda dalam tempoh enam (6) jam dari ketibaan Anda di Destinasi Luar Negara yang dijadualkan atau di dalam Malaysia (untuk Perjalanan Domestik).

Untuk Perjalanan Luar Negara, jika dalam Tempoh Insurans, selepas Anda kembali ke Malaysia untuk Perjalanan Pergi Balik, bagasi Anda yang didaftarkan masuk ditangguhkan oleh pengendali Pengangkutan Umum dan tidak dihantar kepada Anda dalam tempoh enam (6) jam selepas ketibaan Anda di Malaysia.

Seksyen 19 - Kelewatan Perjalanan

Apa Yang Dilindungi

Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, perlepasan Pengangkutan Umum yang telah diatur oleh Anda untuk perjalanan ditangguhkan selama sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut di:

Mana-mana satu Destinasi Luar Negara atau di Malaysia, dari masa yang ditetapkan dalam jadual perjalanan yang dibekalkan kepada Anda kerana:

- a) Mogok atau tindakan industri;
- b) keadaan cuaca buruk;
- c) kerosakan mekanikal/peralihan Pengangkutan Umum;
- d) Pengangkutan Umum terbenam akibat daripada kecacatan mekanikal atau struktur;
- e) Bencana Alam;
- f) apa-apa peristiwa yang membawa kepada sekatan ruang udara atau penutupan lapangan terbang.

Apa Yang Akan Kami Bayar

Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap enam (6) jam penuh berturut-turut yang ditangguhkan, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.

Tempoh kelewatan hendaklah dikira dari masa perlepasan asal seperti yang dinyatakan pada tiket atau jadual perjalanan Anda untuk perlepasan Pengangkutan Umum yang tersedia berikutnya, penerbangan yang disewa atau apa-apa kaedah pengangkutan alternatif lain, yang mana lebih awal.

Kelewatan itu mestilah disahkan secara bertulis oleh pengendali Pengangkutan Umum atau ejen pengendali mereka serta bilangan jam yang tertunda dan sebab penangguhannya.

Perlindungan ini hanya berkuatkuasa jika Anda membeli Polisi ini sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan, yang boleh menyebabkan gangguan Perjalanan yang telah dirancang itu.

Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kegagalan Anda untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang dibekalkan kepada Anda; 2. Mogok atau tindakan industri yang berlaku pada tarikh Anda memohon perlindungan di bawah Polisi Utama ini; 3. Ketibaan lewat Anda di lapangan terbang atau pelabuhan selepas waktu daftar masuk atau waktu masuk (kecuali ketibaan lewat disebabkan oleh Mogok atau tindakan industri); 4. Kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam yang timbul daripada Mogok atau tindakan industri yang dimulakan atau diumumkan sebelum Perjalanan bermula; 5. Apa-apa insurans perjalanan yang dibeli dalam masa enam (6) jam dari waktu perlepasan asal yang dijadualkan seperti dinyatakan pada tiket atau jadual perjalanan Anda; 6. Apa-apa kelewatan yang telah Anda sedia maklum dua puluh empat (24) jam sebelum perlepasan asal dijadualkan yang dinyatakan pada tiket atau jadual perjalanan Anda.
----------------------------------	--

Seksyen 20 - Ketinggalan Sambungan Perjalanan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)	
Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam perjalanan, sambungan perjalanan seterusnya yang disahkan di Luar Negara tertinggal di tempat pertukaran disebabkan ketibaan lewat Pengangkutan Umum yang dijadualkan dan tiada pengangkutan seterusnya yang tersedia untuk Anda dalam tempoh enam (6) jam berturut-turut dari waktu ketibaan sebenar Anda.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	<p>Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap jam ketinggalan sambungan yang penuh selama enam (6) jam berturut-turut (tempoh ketinggalan sambungan dikira dari masa ketibaan sebenar Anda hingga masa perlepasan sebenar Anda), sehingga jumlah Manfaat maksimum berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Butiran ketinggalan sambungan perjalanan mesti disahkan secara bertulis oleh pengendali Pengangkutan Umum atau ejen pengendali mereka, dengan masa ketibaan yang dijadualkan dan sebenar, dan masa perlepasan yang dijadualkan dan sebenar, bagi Pengangkutan Umum yang tersedia berikutnya.</p>
Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am</p>

Seksyen 21 - Lencongan Perjalanan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	<p>Sekiranya, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Pengangkutan Umum di mana Anda telah diatur untuk perjalanan dilencong dan ketibaan Anda di Destinasi yang dijadualkan telah ditangguhkan sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut dari masa yang dinyatakan dalam tiket atau jadual yang dibekalkan kepada Anda kerana keadaan cuaca buruk.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	<p>Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap enam (6) jam penuh berturut-turut yang ditangguhkan kerana lencongan, sehingga jumlah Manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Tempoh kelewatan hendaklah dikira dari masa ketibaan asal yang dijadualkan seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Anda sehingga waktu ketibaan sebenar di Destinasi yang dijadualkan.</p> <p>Kelewatan itu mestilah disahkan secara bertulis oleh pengendali Pengangkutan Umum atau ejen pengendali mereka serta bilangan jam yang tertunda dan sebab penangguhannya.</p> <p>Walau bagaimanapun, Kami tidak akan membayar insurans perjalanan yang dibeli dalam masa enam (6) jam dari waktu perlepasan asal yang dijadualkan seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Anda.</p> <p>Manfaat ini hanya dibayar sekali sahaja untuk setiap Perjalanan Luar Negara.</p>
Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am</p>

Seksyen 22 - Tempahan Perjalanan Berlebihan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mempunyai kerusi tempahan yang disahkan dan dinafikan daripada menaiki Pengangkutan Umum yang telah Anda tempah kerana terlebih tempah dan tiada Pengangkutan Umum alternatif disediakan untuk Anda dalam tempoh enam (6) jam waktu berlepas yang dijadualkan sepertimana ditetapkan dalam jadual Anda yang telah dicetak.</p>
----------------------------	---

<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap enam (6) jam penuh berturut-turut (tempoh kelewatan yang dikira dari masa berlepas yang dijadualkan untuk perlepasan sebenar Pengangkutan Umum yang sedia ada atau apa-apa kaedah pengangkutan alternatif, yang mana lebih awal), sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Butiran terperinci lebih tempahan perjalanan mesti disahkan secara bertulis oleh pengendali Pengangkutan Umum atau ejen pengendali mereka.</p> <p>Walau bagaimanapun, Kami tidak akan membayar untuk mana-mana insurans perjalanan yang dibeli dalam tempoh enam (6) jam sebelum waktu perlepasan berjadual asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Anda.</p> <p>Manfaat ini hanya dibayar sekali untuk setiap Perjalanan luar Malaysia.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am</p>

Seksyen 23 - Ketinggalan Perjalanan (digunakan untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

<p>Apa Yang Dilindungi</p>	<p>Jika, semasa Perjalanan Anda, Anda tertinggal Perlepasan Anda di Negara Destinasi akibat kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam yang dinaiki oleh Anda (mana-mana bas atau teksi berlesen atau perkhidmatan berjadual yang boleh diakses oleh orang awam) yang gagal membawa Anda ke pelabuhan perlepasan, lapangan terbang atau stesen kereta api seperti dinyatakan dalam tiket Anda.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap enam (6) jam penuh berturut-turut ketinggalan perlepasan (tempoh jam tertinggal perlepasan yang dikira dari waktu perlepasan berjadual yang asal, Pengangkutan Umum yang dinyatakan dalam jadual perjalanan, sehingga waktu perlepasan sebenar Pengangkutan Umum yang tersedia berikutnya, atau mana-mana kaedah pengangkutan alternatif, yang mana satu lebih awal), sehingga jumlah Manfaat maksimum sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p>
<p>Apa Yang Tidak Dilindungi</p>	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kegagalan Anda, selain daripada kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam, untuk mendaftar masuk mengikut jadual yang dibekalkan kepada Anda; 2. Ketibaan lewat Anda di lapangan terbang atau pelabuhan atau stesen kereta api selepas waktu daftar masuk atau waktu berlepas (kecuali ketibaan lewat disebabkan kerosakan mekanikal perkhidmatan pengangkutan awam); 3. Apa-apa insurans perjalanan yang dibeli dalam masa enam (6) jam dari waktu asal perlepasan berjadual seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Anda.

Seksyen 24 - Kesulitan Rampasan (digunapakai untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda menjadi mangsa Rampasan Pengangkutan Umum atau kenderaan bermotor yang dinaiki Anda dan Rampasan berlaku dalam tempoh selama sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam.
Syarat-syarat Tambahan	<ol style="list-style-type: none">Apa-apa tuntutan di bawah seksyen Rampasan ini mesti disertakan dengan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh syarikat pengangkutan yang mengesahkan bahawa Anda adalah mangsa Rampasan dan tempoh Rampasan tersebut.Kami hanya akan membayar sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat bagi Perjalanan yang sama untuk setiap Sijil Insurans, tanpa mengira bilangan Orang Tertanggung yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.
Takrifan Tambahan	Rampasan bermaksud apa-apa penyitaan atau pelaksanaan kawalan dengan kekerasan atau keganasan atau ancaman kekerasan atau keganasan dan dengan niat yang salah ke atas Pengangkutan Umum atau kenderaan bermotor.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar kepada Anda jumlah Manfaat berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk setiap dua puluh empat (24) jam penuh tempoh Rampasan sehingga jumlah Manfaat maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am

Seksyen 25 - Liabiliti Peribadi

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda menanggung liabiliti undang-undang untuk pihak ketiga. Liabiliti undang-undang ini mesti berkaitan dengan dan akibat daripada: <ol style="list-style-type: none">Kematian Disebabkan Kemalangan atau kecederaan Tubuh Disebabkan Kemalangan kepada mana-mana pihak ketiga; atauKerosakan Harta Disebabkan Kemalangan ke atas harta pihak ketiga; yang terjadi semasa perjalanan Anda.
----------------------------	--

<p>Syarat-syarat Tambahan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperolehi semula daripada sumber atau insurans lain tersebut. 2. Tiada pengakuan, tawaran, janji, pembayaran atau indemniti yang boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami dan Kami berhak untuk mengambil alih dan melaksanakan atas nama Anda, pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan atau untuk mendakwa atas nama Anda untuk Manfaat Kami sendiri, apa-apa tuntutan untuk tanggung rugi atau ganti rugi atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara penuh dalam pelaksanaan mana-mana prosiding dan dalam menyelesaikan apa-apa tuntutan dan Anda dengan ini bersetuju untuk memberikan semua maklumat dan bantuan sebagaimana yang Kami kehendaki. Setiap surat, tuntutan, writ, saman dan proses hendaklah dikemukakan kepada Kami setelah diterima. Notis bertulis juga hendaklah diberikan kepada Kami sebaik sahaja Anda menerima notis mengenai apa-apa pendakwaan atau inkues yang berkaitan dengan apa-apa keadaan yang mungkin menimbulkan liabiliti di bawah perlindungan ini. 3. Kami boleh pada bila-bila masa membayar kepada Anda berkaitan dengan apa-apa tuntutan atau siri tuntutan, had ganti rugi (selepas potongan apa-apa jumlah wang yang telah dibayar sebagai pampasan) atau apa-apa jumlah yang lebih rendah untuk penyelesaian tuntutan tersebut dan apabila pembayaran dibuat, Kami akan melepaskan pelaksanaan dan kawalan dan tidak mempunyai liabiliti selanjutnya berhubung dengan tuntutan tersebut kecuali untuk pembayaran kos dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula atau ditanggung sebelum tarikh pembayaran tersebut.
<p>Takrifan Tambahan</p>	<p>Kerosakan Harta bermaksud apa-apa kerosakan fizikal pada, kemusnahan, atau kehilangan penggunaan harta yang ketara.</p>
<p>Apa Yang Akan Kami Bayar</p>	<p>Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda berkenaan dengan setiap kejadian atau satu siri kejadian yang menyebabkan liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada satu (1) sumber atau punca asal, sehingga jumlah Manfaat yang berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.</p> <p>Kami juga akan membayar balik kepada Anda untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Semua kos dan perbelanjaan berkenaan yang mana tuntutan ganti rugi untuk kecuaihan di bawah Seksyen ini boleh diperolehi oleh penuntut pihak ketiga daripada Anda. b) Semua kos dan perbelanjaan berkenaan yang mana tuntutan ganti rugi untuk kecuaihan di bawah Seksyen ini ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada Kami.

Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh :

1. Bahaya dan Kerosakan Harta pada harta mana-mana orang yang merupakan Ahli Keluarga Anda, saudara mara atau pekerja Anda atau yang dianggap sebagai pekerja Anda di sisi undang-undang.
2. Berhubung dengan kematian, hilang upaya, kecederaan tubuh atau penyakit yang dialami oleh mana-mana orang di bawah kontrak atau perkhidmatan atau latihan dengan Anda semasa peristiwa tersebut berlaku kerana dan sepanjang perkhidmatannya dengan Anda.
3. Berhubung dengan kematian, hilang upaya, kecederaan tubuh atau penyakit yang dialami oleh mana-mana Ahli Keluarga atau mana-mana orang yang tinggal bersama Anda.
4. Kerosakan Harta pada harta yang dimiliki oleh Anda atau diamanahkan kepada Anda atau di bawah jagaan atau kawalan Anda.
5. Kerosakan berkaitan dengan mana-mana liabiliti yang dianggap di bawah kontrak.
6. Kerosakan berkaitan dengan tindakan sengaja, jahat atau salah di sisi undang-undang atau peninggalan di pihak Anda.
7. Pemilikan, pemunyaan atau penggunaan kenderaan, pesawat, bot, senjata api atau haiwan, atau yang berpunca daripada kecuaiannya pengawasan dan liabiliti ganti rugi untuk perbuatan pesalah kecil yang berkaitan dengan perkara di atas.
8. Aktiviti perniagaan, perdagangan atau profesional terdahulu atau semasa, termasuk pemberian atau kegagalan untuk memberi perkhidmatan perniagaan, perdagangan atau profesional.
9. Apa-apa prosiding jenayah yang diambil terhadap Anda sama ada Anda sebenarnya disabitkan bersalah atau tidak.
10. Penyebaran penyakit berjangkit oleh Anda.
11. Pemunyaan atau penggunaan mana-mana bahan/ubat terkawal kecuali yang dipreskripsikan oleh Doktor.
12. Pencabulan seksual, hukuman dera, penderaan fizikal atau mental.
13. Pencemaran yang merangkumi pengenalan bahan yang didakwa atau berpotensi menjadikan alam sekitar tercemar atau berbahaya.
14. Pengaruh minuman keras.
15. Menunggang atau memandu dalam perlumbaan atau perhimpunan.

Apa Yang Tidak Dilindungi

Seksyen 26 - Caj Telefon Bimbit Kecemasan (digunakan untuk Perjalanan Pergi Balik Luar Negara sahaja)	
Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda, akibat daripada Keadaan Perubatan Sedia Ada (sepertimana ditakrifkan dalam Seksyen 9), menanggung caj untuk telefon bimbit peribadi yang digunakan semata-mata untuk tujuan menghubungi perkhidmatan Bantuan Chubb, atau wakil Bantuan Chubb yang sah, semasa kecemasan perubatan, dan tuntutan Perbelanjaan Perubatan Luar Negara telah dikemukakan di bawah Seksyen 3.
Syarat-syarat Tambahan	Caj-caj yang ditanggung mesti disokong dengan penyata caj yang terperinci.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar balik kepada Anda untuk caj telefon bimbit kecemasan yang ditanggung untuk panggilan berkenaan kepada Bantuan Chubb atau wakil Bantuan Chubb yang sah, sehingga jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.

Apa Yang Tidak Dilindungi	Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh : 1. Panggilan telefon yang dibuat melalui talian standard; 2. Telefon awam menggunakan kad panggilan antarabangsa.
----------------------------------	--

Seksyen 27A - Manfaat Golf: Masuk Langsung	
Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda memperoleh Masuk Langsung sepertimana yang ditakrifkan dalam Peraturan Golf St. Andrew's.
Syarat-syarat Tambahan	Apa-apa tuntutan bayaran balik mesti disertakan dengan salinan sijil untuk Masuk Langsung yang dikeluarkan oleh kelab dan resit yang menyokong Perbelanjaan Hospitaliti.
Takrifan Tambahan	Perbelanjaan Hospitaliti bermaksud makanan dan minuman lazim yang dibeli di kelab golf untuk tujuan meraikan kemenangan Masuk Langsung Anda.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar balik kepada Anda untuk Perbelanjaan Hospitaliti yang ditanggung sehingga jumlah Manfaat berkaitan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am

Seksyen 27B - Kehilangan Peralatan Golf Disebabkan Kecurian	
Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kerugian yang disebabkan oleh kecurian Peralatan Golf Anda.
Syarat-syarat Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> a) Semua Peralatan Golf mesti dimiliki oleh Anda dan tidak diamanahkan, disewa atau dipertanggungjawabkan kepada Anda. b) Kami akan membayar ganti rugi setelah mengambil kira haus dan lusuh, serta susut nilai atau mengikut budi bicara mutlak Kami, mengganti atau memperbaiki barang-barang itu; c) Kehilangan mesti dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kehilangan itu. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di bawah Seksyen ini mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang membuktikan kehilangan itu. d) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian kehilangan itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk bahagian kerugian yang melebihi jumlah boleh diperoleh semula daripada sumber atau insurans lain itu.
Takrifan Tambahan	Peralatan Golf bermaksud kayu golf, beg golf, kasut golf dan troli golf tidak bermotor.

Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda berkenaan dengan kerugian tersebut sehingga jumlah Manfaat yang berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. kerugian yang berlaku semasa penggunaan Peralatan Golf; 2. kerugian Peralatan Golf disebabkan oleh haus dan lusuh, kemusnahan beransur-ansur, rosak akibat rama-rama, serangga perosak, keburukan sedia ada; 3. kerugian yang timbul daripada rampasan atau penahanan Peralatan Golf oleh pihak kastam atau pegawai lain; 4. kerugian akibat daripada kegagalan Anda mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk menjaga dan memastikan keselamatan Peralatan Golf; 5. Apa-apa jenis kerosakan pada Peralatan Golf.

Seksyen 27C – Bayaran Padang Golf Yang Tidak Digunakan

Apa Yang Dilindungi	<p>Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda tidak dibenarkan untuk bermain golf kerana:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Kecederaan Tubuh atau Penyakit (untuk Perjalanan Luar Negara); atau b) Kecederaan Tubuh (untuk Perjalanan Domestik).
Syarat-syarat Tambahan	<p>Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi mesti disertakan dengan salinan laporan perubatan daripada Doktor untuk menyokong:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Kecederaan Tubuh atau Penyakit (untuk Perjalanan Luar Negara); atau b) Kecederaan Tubuh (untuk Perjalanan Domestik) <p>dan mengesahkan ketidakmampuan Anda untuk bermain golf akibat daripada Kecederaan Tubuh atau Penyakit (sepertimana yang berkaitan) semasa tempoh tuntutan ganti rugi dibuat.</p>
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda untuk yuran padang golf yang tidak boleh dibayar balik, prabayar dan yang tidak digunakan sehingga jumlah Manfaat berkaitan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am

Seksyen 28 - Elaun Gangguan Rumah (untuk Perjalanan Domestik, ia digunapakai untuk Pelan Pertama Chubb sahaja)

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, semasa Anda dalam Perjalanan, Anda mengalami kerugian atau kerosakan ke atas Kandungan Rumah yang disimpan di Rumah Anda yang ditinggalkan tanpa penghuni, disebabkan oleh kecurian atau kebakaran.
----------------------------	--

Syarat-syarat Tambahan	<p>a) Kami hanya akan membayar kepada Anda jumlah maksimum 'Had Barang Tunggal' seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, untuk mana-mana satu barang atau sepasang atau set barang.</p> <p>b) Dalam menyelesaikan tuntutan untuk kecurian atau kemusnahan menyeluruh, asas penyelesaian akan menjadi pengganti dalam bentuk yang sama tanpa potongan untuk kes haus dan lusuh atau susut nilai kecuai yang berkenaan dengan barang pakaian dan barang-barang rumah.</p> <p>c) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Anda berhak menerima pulangan wang atau bayaran balik semua atau sebahagian perbelanjaan itu daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat insurans lain untuk peristiwa dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebih jumlah yang boleh diperoleh semula daripada sumber atau insurans lain tersebut.</p>
Takrifan Tambahan	Kandungan Rumah bermaksud semua deskripsi barang rumah, barangan peribadi dan pemilikan Anda dan Ahli Keluarga Anda.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda untuk kerugian atau kerosakan berkenaan sehingga jumlah Manfaat yang berkaitan sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini
Apa Yang Tidak Dilindungi	<p>Sebagai tambahan kepada Bahagian 4 - Pengecualian Am, Polisi Utama ini tidak melindungi, dan dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan mana-mana tuntutan di bawah Seksyen ini, yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berhubung dengan kekurangan kerana ralat, peninggalan, pertukaran atau susut nilai. 2. Kebocoran air atau minyak dari mana-mana mesin basuh, mesin cuci pinggan atau pemasangan air domestik atau pemasangan pemanas air. 3. Kecurian semasa atau selepas kejadian kebakaran. 4. Pembakaran harta melalui arahan mana-mana pihak berkuasa awam. 5. Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan melalui tindakan sengaja atau keterlibatan Anda. 6. Kehilangan (sama ada sementara atau kekal) harta yang bertanggung atau mana-mana bahagiannya disebabkan oleh rampasan, penitaan, penahanan atau kerja yang dibenarkan atau diharamkan ke atas harta tersebut atau mana-mana premis, kenderaan atau barang dengan kandungan yang sama, oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan. 7. Kerugian turutan atau apa-apa jenis kerosakan. 8. Saham dan/atau barang-barang berkaitan dengan perniagaan atau pekerjaan Anda. 9. Peralatan dan aksesori fotografi fan sukan, dan alat muzik. 10. Kenderaan bermotor, bot, ternakan, basikal dan apa-apa peralatan atau aksesori yang berkaitan dengannya. 11. Kerugian atau kerosakan diinsuranskan di bawah mana-mana polisi insurans lain, atau dibayar balik oleh mana-mana pihak lain.

Section 29 – Pet Care (applicable to Overseas Return Journey only)

Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans, Anda dihalang daripada melengkapkan perjalanan pulang dalam jadual Perjalanan Pergi Balik Luar Negara, akibat daripada kelewatan perjalanan yang mengakibatkan tuntutan yang sah di bawah Seksyen 18, untuk sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam dari masa ketibaan asal yang dijadualkan di Malaysia.
----------------------------	--

Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar balik kepada Anda untuk kos tambahan penginapan haiwan peliharaan anda di rumah penginapan haiwan peliharaan sehingga Anda pulang ke Malaysia, sehingga jumlah Manfaat yang berkaitan sepertimana ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini dan tanpa mengira mana-mana tarikh tamat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am
Seksyen 30 - Lanjutan Perlindungan Keganasan	
Apa Yang Dilindungi	Jika, dalam Tempoh Insurans dan sekiranya berlaku tuntutan di bawah mana-mana Seksyen dalam Bahagian 7 – Manfaat yang timbul daripada mana-mana Akta Keganasan, Polisi Utama ini diperluaskan untuk melindungi Anda semasa Anda dalam Perjalanan.
Apa Yang Akan Kami Bayar	Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga jumlah maksimum diinsuranskan yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Utama ini.
Apa Yang Tidak Dilindungi	Sila rujuk Bahagian 4 - Pengecualian Am

Bahagian 8 – Manfaat Bantuan Chubb

Anda layak mendapatkan bantuan daripada Bantuan Chubb berhubung dengan yang berikut:

1. Akses Telefon 24-jam

Jika Anda memerlukan bantuan, Anda boleh membuat panggilan ke talian khidmat pelanggan 24 jam yang khusus, dengan kakitangan pelbagai bahasa yang terlatih termasuk Doktor panel Bantuan Chubb yang dilantik untuk memberikan bantuan dan nasihat segera.

2. Bantuan Perubatan

i) Bantuan menerusi Panggilan Telefon

Bantuan Chubb akan mengatur peruntukan bantuan perubatan untuk Anda menerusi panggilan telefon.

ii) Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan

Bantuan Chubb akan menyediakan untuk Anda, mengikut permintaan, nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, waktu urusan Doktor, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik pergigian.

iii) Aturan Temujanji dengan Doktor Tempatan untuk Rawatan

Bantuan Chubb akan membantu Anda mengatur temujanji dengan pengamal perubatan am atau doktor pakar.

3. Bantuan Perjalanan

i) Maklumat Keperluan Inokulasi dan Visa

Bantuan Chubb akan menyediakan maklumat mengenai keperluan visa dan inokulasi untuk negara asing, memandangkan keperluan tersebut ditentukan dari semasa ke semasa dalam edisi terkini Penerbitan Pertubuhan Kesihatan Sedunia "Keperluan Sijil Vaksinasi dan Nasihat Kesihatan untuk Perjalanan Antarabangsa" (untuk inokulasi) dan "Panduan ABC untuk Maklumat Perjalanan Antarabangsa" (untuk visa). Maklumat ini akan diberikan kepada Anda pada bila-bila masa, sama ada atau tidak Anda melancong atau kecemasan telah berlaku.

- ii) Rujukan Jurubahasa
Bantuan Chubb akan menyediakan untuk Anda, nama, nombor telefon dan, jika boleh dan mengikut permintaan, waktu urusan pejabat jurubahasa di negara asing.
- iii) Bantuan Kehilangan Bagasi
Bantuan Chubb akan membantu Anda jika Anda kehilangan bagasi Anda semasa mengikuti perjalanan di luar Malaysia dengan merujuk Anda kepada pihak berkuasa berkenaan yang terlibat.
- iv) Bantuan Kehilangan Pasport
Bantuan Chubb akan membantu Anda jika Anda kehilangan pasport Anda semasa mengikuti perjalanan di luar Malaysia dengan merujuk Anda kepada pihak berkuasa berkenaan yang terlibat.
- v) Rujukan Kedutaan
Bantuan Chubb akan menyediakan alamat, nombor telefon dan waktu urusan pejabat konsulat dan kedutaan terdekat di seluruh dunia.
- vi) Perkhidmatan Maklumat Cuaca dan Pertukaran Asing
Bantuan Chubb akan menyediakan maklumat kepada Anda mengenai kadar pertukaran mata wang asing utama dan ramalan cuaca serta suhu negara asing.
- vii) Bantuan Penghantaran Mesej Kecemasan
Sekiranya berlaku kecemasan atau pengurangan hospital, Bantuan Chubb akan memastikan agar ahli keluarga terdekat Anda dimaklumkan, atas permintaan dan kebenaran Anda atau teman perjalanan Anda.
- viii) Rujukan Undang-undang
Bantuan Chubb akan menyediakan Anda nama, alamat, nombor telefon, mengikut permintaan Anda dan jika ada, waktu urusan peguam dan pengamal undang-undang yang dirujuk.

Perkhidmatan di atas yang disediakan untuk Anda adalah semata-mata berdasarkan rujukan atau aturan sahaja. Kami, dan juga Bantuan Chubb tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa perbelanjaan pihak ketiga yang sepenuhnya menjadi tanggungjawab Anda. Bantuan Chubb akan menjalankan usaha terbaiknya untuk memberikan Anda, dengan tepat dan pada masanya, maklumat dan perkhidmatan rujukan di atas. Bantuan Chubb akan melaksanakan penjagaan dan usaha wajar dalam memilih penyedia perkhidmatan. Bantuan Chubb tidak dapat menjamin kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan dan pemilihan akhir penyedia perkhidmatan adalah tertakluk kepada keputusan Anda.

Polisi ini ditaja jamin oleh
Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)

Aduan

1. Jika Anda mempunyai sebarang aduan berkenaan perkhidmatan Kami dan/atau perkara berkaitan dengan Polisi Utama ini, Anda dinasihati untuk menghubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
O +6 03 2058 3198
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com

2. Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan keputusan Kami, Anda boleh merujuk perkara tersebut kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (“OFS) atau Bank Negara Malaysia. Anda boleh menghubungi mereka di:

PENGARAH
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur
O 1 300 88 5465
F +6 03 2174 1515
E bnmtelelink@bnm.gov.my

Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan Aras 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
O +6 03 2272 2811
F +6 032272 1577
E enquiry@ofs.org.my
(untuk perkara berkenaan tuntutan dalam bidang kuasa OFS sahaja)

Notis Privasi

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”), kami telah diminta untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami atau yang selepasnya kami peroleh dari semasa ke semasa (“**Data Peribadi**”), mungkin diproses untuk tujuan memproses permohonan/cadangan insurans, penyediaan produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang penambahan, pindaan, perubahan, pembatalan, pembaharuan atau pengembalian semula, pelaksanaan penyelidikan statistik/aktuari atau kajian data, promosi produk dan perkhidmatan dan untuk tujuan lain yang berkaitan (secara kolektif, “**Tujuan**”). Data Peribadi tersebut diperolehi apabila anda mengisi dokumen-dokumen; berhubung dengan kami atau wakil-wakil kami; atau memberikannya kepada kami atau wakil-wakil kami secara peribadi, melalui telefon, atau melalui laman-laman web atau daripada pihak-pihak ketiga yang diberi kebenaran oleh anda.

Walaupun anda tidak diwajibkan untuk memberi kami Data Peribadi anda, kami tidak dapat memproses permohonan anda untuk perlindungan insurans atau memproses tuntutan jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diminta.

Data Peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada syarikat berkaitan kami atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan berkaitan insurans atau insurans semula, syarikat perantara, atau sesuatu tuntutan, penyiasatan atau penyedia perkhidmatan lain dan kepada mana-mana persatuan, persekutuan atau organisasi syarikat insurans serupa yang wujud atau yang ditubuhkan dari semasa ke semasa untuk Tujuan tersebut atau untuk memenuhi fungsi perundangan atau peraturan atau diperlukan dengan sewajarnya demi kepentingan industri insurans. Dalam keadaan sedemikian, ia akan dilakukan selaras dengan pematuhan kepada PDPA.

Kami juga mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda apabila pendedahan sedemikian diperlukan di bawah undang-undang, atas arahan-arahan mahkamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain, jika kami percaya bahawa kami mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga atau mungkin akan mendapatkan persetujuan bagi pendedahan tersebut jika anda mengetahui tentangnya, dan/atau jika pendedahan adalah berasaskan kepentingan umum.

Data Peribadi anda juga boleh dipindahkan kepada syarikat-syarikat berkaitan kami dan pembekal-pembekal pihak ketiga yang mungkin terletak di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut. Sekiranya kami menggunakan penyedia perkhidmatan luar, langkah-langkah keselamatan dan kerahsiaan tertentu telah pun diambil untuk memastikan hak kerahsiaan anda tidak terjejas.

Apabila anda memberikan kepada kami data peribadi individu lain (“**Subjek Data**”), anda mestilah memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada Subjek Data tersebut bahawa Anda memberikan data peribadi mengenai Subjek Data berkenaan kepada kami, dan telah mendapat kebenaran Subjek Data untuk berbuat demikian. Anda hendaklah menjelaskan apa yang telah dinyatakan di sini kepada Subjek Data, dan memastikannya memahami, bersetuju dan membenarkan anda untuk berurusan dengan data peribadinya mengikut apa yang dinyatakan di sini.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan atau permintaan untuk mengakses atau membetulkan Data Peribadi anda atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada kami menerusi **Chubb Insurance Malaysia Berhad**, Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A), Pengurus, Unit Khidmat Pelanggan, Wisma Chubb, 38 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur, Malaysia (Tel: 1800-88-3226 / E-mel: Inquiries.MY@chubb.com).

Dengan terus berurusan dengan kami, anda memahami, membenarkan dan bersetuju dengan terma-terma di atas mengenai pemprosesan Data Peribadi anda.

Versi Bahasa Malaysia bagi Notis Perlindungan Data Peribadi ini boleh didapati di laman web kami di <http://www.chubb.com/my-privacy>.

Mengenai Chubb di Malaysia

Chubb merupakan syarikat insurans hartanah dan kasualti terbesar yang diperdagangkan secara umum di dunia. Dengan operasi di 54 negara dan wilayah, Chubb menyediakan insurans hartanah komersial dan persendirian serta insurans kemalangan, insurans kemalangan diri dan kesihatan tambahan, insurans semula dan insurans nyawa kepada pelbagai kumpulan pelanggan. Sebagai sebuah syarikat penaja jaminan, kami menilai, menerima dan mengurus risiko dengan kefahaman mendalam dan disiplin. Kami memberi khidmat dan membayar tuntutan kami dengan adil dan segera. Syarikat ini juga ditakrifkan oleh tawaran produk serta perkhidmatannya yang meluas, keupayaan pengedaran yang luas, kekuatan kewangan yang luar biasa dan operasi tempatan di peringkat global. Syarikat induk Chubb Limited adalah tersenarai di Bursa Saham New York (NYSE:CB) dan merupakan komponen indeks S&P 500. Chubb mempunyai pejabat-pejabat eksekutif di Zurich, New York, London, Paris dan lokasi-lokasi lain serta menggaji lebih daripada 30,000 orang di seluruh dunia. Operasi Chubb di Malaysia (Chubb Insurance Malaysia Berhad) menyediakan pelbagai penyelesaian komprehensif insurans am untuk individu, keluarga serta perniagaan bersaiz besar dan kecil melalui pelbagai saluran pengedaran. Dengan budaya penaja jaminan yang kukuh, syarikat ini menawarkan perkhidmatan yang responsif serta menerajui pasaran berdasarkan kekuatan kewangan. Chubb di Malaysia mempunyai rangkaian cawangan yang luas dan lebih daripada 2,600 “independent distribution partners” (ejen).

Hubungi Kami

Chubb Insurance Malaysia Berhad
Nombor Pendaftaran: 197001000564
(9827-A)
Wisma Chubb
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Malaysia
O +6 03 2058 3198
F +6 03 2058 3333
www.chubb.com/my